

فتيقن تيته

PETIKAN TITAH

"KITA sangatlah prihatin terhadap peraturan atau undang-undang yang digubal untuk maslahat masyarakat dan negara. Apa jua peraturan atau undang-undang, khasnya jika ia berkaitan dengan hukum syarak, hendaklah dipatuhi. Janganlah ia dilangkah atau dibelakangi".
- Titah Sempena Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Bagi Tahun 1434H / 2013M.



Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

Hujung Minggu

قلبي في

مانيسش ايمان

MANISNYA IMAN

"WAHAI orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu daripada api neraka".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah At-Tahrim, ayat 6.

Waktu Sembahyang

IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
4.41	4.51	6.10	6.33	12.19	3.34	6.26	7.37

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 65 / BILANGAN 50

25 APRIL 2020 / 1441 رمضان 1

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

"YA Allah, hanya Engkau jua tempat kami berlindung, maka lindungilah kami, dari bahaya COVID-19, dari serangan dan jangkitannya. Jika wabak ini bersebab dari dosa-dosa manusia, maka Engkau ampunkanlah. Sesungguhnya, hanya Engkau jua Yang Maha Berhak untuk memberikan pengampunan. Aamiin Ya Rabbal Alamiin".

- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Berkenaan Jangkitan Wabak COVID-19 pada Isnin, 19 Syaaban 1441 Hijrah / 13 April 2020 Masihi di Istana Nurul Iman.

Pelbagai cara raih pahala di bulan Ramadan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkhia Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Titah Perutusan sempena Menyambut Bulan Ramadan Tahun 1441 Hijrah / 2020 Masihi.

Oleh : Nur Amalia Alisha Daud

Foto : Ihsan Balai Kenangan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Pejabat Kebawah DYMM Istana Nurul Iman

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 24 April. - Pada Ramadan kali ini, tentu saja berbeza dengan Ramadan-Ramadan yang lalu. Perbezaan itu ialah dari segi suasana menghadapinya.

"Beberapa bulan sebelum Ramadan, kita telah dikejutkan oleh wabak COVID-19, yang membawa kepada ketidakelesaian dan bahkan ketakutan," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkhia Mu'izzaddin

Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Titah Perutusan sempena Menyambut Bulan Ramadan Tahun 1441 Hijrah / 2020 Masihi.

Ini, jelas baginda, bukan saja dirasakan oleh Brunei, malah di mana-mana sahaja di seluruh dunia, sama-sama merasakannya.

Ke muka 2

Negara mula berpuasa

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BERAKAS, Khamis, 23 April. - Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkhia Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji

Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka Yang Berhormat, Yang Dipertua Majlis Ugama Islam Brunei dengan ini memaklumkan bahawa ketetapan 1 Ramadan 1441 Hijrah akan jatuh pada Sabtu, 1 Ramadan 1441 Hijrah bersamaan 25 April 2020 Masihi.

Ke muka 5

IKUTI KAMI DI



APLIKASI MUDAH ALIH

InfoDeptBN

Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri Brunei Darussalam

infodept.bn infodept_bn

SELAMAT MENUNAIKAN IBADAH PUASA MARHABAN YA RAMADHAN

Berita Utama



BANGUNAN baharu Pusat Pengasingan Kebangsaan dirasmikan

Muka 6



410 keluarga Mualaf terima bantuan keperluan harian

Muka 19



SEMARAKAN malam-malam Ramadan

Muka 22

STATISTIK TERKINI COVID-19

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

JUMLAH KES JANGKITAN	JUMLAH KEMATIAN	JUMLAH KES YANG SEMBUH
138	1	120

Maklumat setakat 24 APRIL 2020, 5:00 petang

Jumlah keseluruhan kekal 138 kes

Oleh : Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin

BERAKAS, Jumaat, 24 April. - Kementerian Kesihatan memaklumkan bahawa tidak ada kes baharu yang disahkan dijangkiti COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD), di mana jumlah keseluruhannya kekal sebanyak 138 kes.

Sementara itu, satu kes disahkan sembuh daripada COVID-19, menjadikan jumlah keseluruhan yang telah sembuh menjadi 120 orang.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, seterusnya berkata, terdapat 17 kes aktif masih dirawat, di mana dua daripadanya masih dalam keadaan kritikal dan memerlukan bantuan mesin tambahan Heart / Lung Machine (Extra Corporeal Membrane Oxygenation - ECMO), di samping bantuan mesin pernafasan, manakala selebihnya adalah dalam keadaan yang baik.

Ke muka 3

Pelbagai cara raih pahala di bulan Ramadan

Dari muka 1

Sehingga untuk beberapa ketika, titah baginda, kita terpaksa menangguhkan kehadiran ke masjid, surau dan balai ibadat bagi melakukan Sembahyang Jumaat dan sembahyang berjemaah biasa.

Tegas baginda, ini kita lakukan adalah sebagai usaha untuk mengelakkan risiko jangkitan COVID-19.

"Namun alhamdulillah, dengan izin Allah jua, wabak, nampak-nampaknya

dapat kita kawal dengan berkesan. Ini beta percaya, adalah kerana usaha-usaha pencegahan secara bersepadu, dan juga faktor doa yang kita amalkan adalah segala-galanya," titah baginda.

Terdahulu, baginda merafakkan rasa kesyukuran kerana dapat memasuki bulan Ramadan yang mulia untuk melakukan ibadat puasa di dalamnya.

Jelas baginda lagi, dalam bulan Ramadan, biasanya kita orang-orang Islam akan memeriahkan masjid, surau dan balai ibadat dengan Sembahyang

Sunat Tarawih Berjemaah.

Tetapi pada kali ini, tegas baginda, sekiranya keadaan belum mengizinkan untuk berkumpul beramai-ramai, maka kita masih saja ada cara lain untuk membuat Tarawih itu bersama-sama dengan keluarga di rumah.

"Begitu juga bertadarus Al-Quran, kita masih saja dapat membuatnya di rumah kita sendiri dengan keluarga dan anak-anak. Pendeknya, kita tidak kehabisan cara untuk melakukannya bagi meraih pahala di bulan Ramadan," titah baginda.

Jangan jadikan COVID-19 sebagai penghalang berpuasa

Oleh : Nur Amalia Alisha Daud

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 24 April. - Perlu disedari, bahawa Ramadan cuma sekali sahaja dalam setahun.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, dalam bulan ini, terdapat satu malam yang dinamakan Malam Al-Qadar yang lebih baik dari seribu bulan, dalam makna, beribadat di dalamnya boleh meraih pahala lebih dari seribu bulan.

Pada Titah Perutusan sempena Menyambut Bulan Ramadan Tahun 1441 Hijrah / 2020 Masihi, baginda mengingatkan agar kita semua berazam untuk merebutnya.

Tegas baginda, sangat perlu diingat, bahawa COVID-19 tidak seharusnya mengganggu umat Islam untuk melakukan ibadat puasa.

"COVID-19 adalah satu perkara, sedang ibadat puasa pula satu perkara lain. Jika kita dalam keadaan sihat 'afiat, maka tidak ada sebab untuk menjadikan COVID-19 sebagai penghalang kita berpuasa," titah baginda.

Selepas Ramadan, jelas baginda, kita akan memasuki bulan Syawal pula,

untuk menyambut Hari Raya.

Biasanya Hari Raya, titah baginda, kita sambut dengan penuh kemeriahan, tetapi ketentuan Allah telah menjadikannya berbeza pada tahun ini.

Baginda bertitah, Sembahyang Hari Raya akan terpaksa ditiadakan, dan begitu juga tradisi kunjung mengunjungi turut ditegah untuk mengelakkan sebarang risiko COVID-19.

"Kita wajar bersabar menghadapi situasi ini, dengan menganggap, bahawa apa yang berlaku itu mempunyai hikmah di sisi Allah.

Walau bagaimanapun, di samping bersabar, kita juga dituntut untuk berusaha dengan apa jua cara, seperti mengambil langkah-langkah pencegahan dan seumpamanya," titah baginda lagi.

Banyakkan berdoa sepanjang bulan berkah ini

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 24 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, selaku orang Islam, kita juga mempunyai kelebihan tersendiri, iaitu digalakkan untuk menghadapi apa saja bencana, dengan doa.

Baginda menyeru kepada semua agar kita sama-sama melakukannya, lebih-lebih lagi, ketebulan pula dalam bulan Ramadan yang penuh berkat ini, di mana doa orang-orang berpuasa adalah sangat ampuh dan mustajab.

"Menyebut tentang kelebihan doa ini, beta teringat kepada doa dalam Qunut Nazilah yang dibaca pada hari Jumaat dalam Sembahyang Jumaat. Hingga sekarang, sudah beberapa Jumaat kita tidak dapat menunaikan Fardu Jumaat, dalam makna, dengan sendirinya Qunut

Nazilah tidak dapat dibaca," titah baginda.

Tegas baginda, Qunut Nazilah masih saja perlu diteruskan, terutama dalam situasi kita menghadapi wabak COVID-19.

Baginda menjelaskan, Qunut Nazilah tidak semestinya hanya dilakukan di masjid secara berjemaah pada Hari Jumaat, malah ia juga boleh dibuat di rumah, sama ada secara berjemaah dengan keluarga atau bersendirian di dalam sembahyang-sembahyang fardu lima waktu.

Titah baginda, tetapi masih juga boleh dipilih mana waktu yang kita mampu atau sesuai melakukannya, seperti dalam Sembahyang Subuh atau Maghrib, tanpa memestikan ia dibuat dalam kesemua lima-lima waktu.

Yang penting, jelas baginda, Qunut ini terus dibaca, sementara menunggu masjid, surau dan balai ibadat beroperasi semula.

"Bagi kemudahan orang ramai

melakukan semua ini, maka kenalah pihak yang berkenaan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, mengambil inisiatif menyediakan panduan dan Doa Qunut yang bersesuaian. Seeloknya ringkas dan mudah, tetapi padat menepati tujuan," titah baginda.

Dalam titah, baginda berpendapat, bukan sahaja kita di Brunei, malah umat Islam di seluruh dunia adalah sangat wajar untuk sama-sama mengambil kesempatan di bulan yang bersukut istimewa ini untuk merafakkan doa banyak-banyak supaya dunia kita cepat bebas daripada bahaya wabak COVID-19.

Bagi mengakhiri Titah Perutusan sempena Menyambut Bulan Ramadan Tahun 1441 Hijrah / 2020 Masihi, baginda dan keluarga baginda, dengan hati suci, mengucapkan selamat berpuasa. Semoga kita sama-sama dikurniakan oleh Allah kesihatan dan kesabaran di sepanjang menjalani ibadat puasa. Ramadan Karim.

Dari Sidang Pengarang.

25 APRIL 2020 BERSAMAAN 1441 رمضان 1

HIASI RAMADAN DENGAN AMALAN-AMALAN YANG DIGALAKKAN

ALHAMDULILLAH, kini kita berada dalam bulan Ramadan. Kita bersyukur masih bernafas di bumi Allah Subhanahu Wata'ala dan dipilih oleh-Nya untuk menggapai Ramadan kali ini. Oleh itu, marilah kita sama-sama mencari peluang supaya ia lebih baik daripada tahun lalu. Tahun ini, Ramadan akan sedikit berbeza, tetapi objektif Ramadan akan tetap sama.

Ia berbeza kerana kita diduga dengan musibah COVID-19 hingga pergerakan kita terbatas, bahkan dalam pelbagai aktiviti seharian termasuklah juga dalam mengerjakan ibadah di masjid.

Pada tahun ini, tidak ada jemaah ke masjid pada malam pertama Ramadan untuk mengerjakan Tarawih dan juga malam-malam seterusnya. Begitu juga tiada lagi kemeriahan mencari juadah untuk berbuka puasa di gerai Ramadan sebelah petang. Solat Tarawih hanya sesama ahli keluarga di rumah masing-masing. Kita perlu faham situasi demikian adalah supaya kita semua berwaspada agar penularan wabak COVID-19 berjaya diputuskan rantainya.

Tetapi apa yang berlaku sudah pasti juga ada hikmah. Sebagai ketua keluarga, suami atau bapa sudah boleh bersiap dan bersedia untuk menjadi imam Solat Tarawih. Anak lelaki boleh menjadi bilal, manakala isteri dan anak lain menjadi makmum. Hikmahnya hubungan keluarga akan menjadi lebih erat dan dipenuhi kasih sayang dalam sama-sama mencari keredaan Allah Subhanahu Wata'ala. Apatah lagi Jabatan Percetakan telah mengeluarkan buku mengenai Solat Tarawih di rumah sebagai panduan kepada orang ramai.

Setiap yang dilakukan pada bulan penuh keistimewaan ini sama ada berpuasa, Solat Tarawih, bersedekah, bertadarus, semuanya menggugurkan dosa. Oleh itu, rugilah mereka yang tidak mengambil peluang ini dan membiarkan bulan Ramadan berlalu tanpa membuat amal ibadat. Pastinya, kita tidak mahu termasuk dalam golongan yang rugi, iaitu tidak melakukan sebaik mungkin bagi mendapatkan pahala berlipat ganda dan kurniaan lain disediakan Allah Subhanahu Wata'ala, khususnya malam yang menyamai seribu bulan. Umat Islam sewajarnya mengoptimalkan peluang yang ada ini untuk melakukan yang terbaik dari segi amalan puasa, bersahur, Solat Tarawih, bersedekah, membaca Al-Quran dan beriktikaf.

Dalam keghairahan melaksanakan amal ibadah adakala kita tergelincir dari syariat yang dipandu oleh Al-Quran dan hadis. Tidak dinafikan ketika melaksanakan ibadah pada bulan mulia ini, ada segelintir umat Islam terlepas pandang perkara dituntut agama sehingga tanpa sedar melakukan amalan bercanggah dengan ajaran Islam sebenar. Antaranya seperti pembaziran makanan. Membuat atau membeli *penyungkaian* dalam kadar yang banyak secara dalam talian merupakan perbuatan membazir. Belilah secara sederhana sahaja, tidak perlu berlebih-lebih kecuali jika hendak bersedekah kepada saudara-mara atau jiran tetangga. Perlu diingat seorang Mukmin tidak sewajarnya menjadikan Ramadan sebagai bulan untuk makan sebanyak-banyaknya ketika berbuka sehingga dianggap sebagai bulan pesta makanan. Kesihatan perlu dijaga dalam pengambilan makanan dalam bulan puasa ini.

Begitu juga dengan sikap sesetengah ibu dan bapa yang teruja melatih anak kecil untuk berpuasa sepanjang Ramadan ini, mereka menjanjikan pelbagai ganjaran sebagai dorongan atau sokongan moral kepada anak yang berpuasa. Malangnya, mereka terlupe melatih anak menunaikan solat sedangkan ia adalah amalan pertama yang dihitung pada hari akhirat nanti. Latih dan bimbonglah anak untuk melakukan solat dan berpuasa dari awal lagi.

Bulan Puasa adalah bulan untuk mendidik manusia menjadi insan bertakwa dan membentuk nilai integriti dalam diri. Ramadan juga adalah bulan terbaik melakukan perubahan kerana statusnya sebagai bulan penuh keberkatan, rahmat serta pengampunan. - **Ketua Penyuntingan (Ri).**

RAMALAN CUACA 3 HARI

SABTU	AHAD	ISNIN
31 25 °C	31 26 °C	32 25 °C
31 25 °C	31 25 °C	33 25 °C
31 25 °C	32 25 °C	32 25 °C
31 25 °C	32 24 °C	32 25 °C

Wallaahualam Bissawab | Jabatan Kaji-kuasa Brunei Darussalam | www.mel.gov.bn | Talian Cuaca 114 | Brunei WX App

WAKTU SEMBAHYANG

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud: "...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."

Masihi APRIL	HARI	Hijrah RAMADAN	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
25	SABTU	1	4.41	4.51	6.10	6.33	12.19	3.34	6.26	7.37
26	AHAD	2	4.40	4.50	6.10	6.33	12.19	3.34	6.26	7.38
27	ISNIN	3	4.40	4.50	6.10	6.32	12.19	3.34	6.26	7.38
28	SELASA	4	4.39	4.49	6.09	6.32	12.19	3.35	6.26	7.38
29	RABU	5	4.39	4.49	6.09	6.32	12.19	3.35	6.26	7.38
30	KHAMIS	6	4.39	4.49	6.09	6.32	12.19	3.35	6.26	7.38
1 MEI	JUMAAT	7	4.38	4.48	6.09	6.32	12.18	3.36	6.26	7.38

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN

AMBULANS **991** | POLIS **993** | BOMBA **995** | PENYELAMAT **998**

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam

123

NDMC

2380214

Jumlah keseluruhan kekal 138 kes

Dari muka 1

"Pada hari ini juga, seramai 134 orang sedang menjalani kuarantin menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204, manakala jumlah keseluruhan mereka yang telah menamatkan tempoh kuarantin ialah sebanyak 2,430 orang.

Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 340 sampel telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 12,770 ujian," jelas Yang Berhormat.

Mengenai dengan kes yang sembuh, tetapi didapati positif semasa pemeriksaan susulan, Yang Berhormat seterusnya memaklumkan bahawa tidak ada kes disahkan positif semula, manakala empat kes dibenarkan untuk pulang menjadikan jumlah keseluruhan kes yang sedemikian pada masa ini seramai 21 orang, di mana 10 orang masih menjalani pemeriksaan dan ujian lanjut.

Sempena kedatangan bulan Ramadhan yang mulia ini, di samping terus mengambil langkah berjaga-jaga terhadap wabak COVID-19, Yang Berhormat seterusnya memberikan beberapa saranan juga nasihat kesihatan yang boleh dilakukan sepanjang bulan Ramadhan bagi menjaga dan menguatkan daya tahan kesihatan tubuh badan.

"Dalam pengambilan makanan, marilah kita bersama mengamalkan pemakanan yang sihat, iaitu seimbang dan bersederhana. Hadkan makanan berminyak atau berlemak, kurangkan garam serta gula dalam masakan dan minuman.

"Tingkatkan pengambilan buah-buahan dan sayur-sayuran



YANG Berhormat Menteri Kesihatan (kiri) pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam. Juga hadir, Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan (kanan).

Oleh : Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

serta pastikan kita meminum air yang mencukupi, iaitu sekurang-kurangnya lapan ke 12 gelas air setiap hari yang boleh diambil semasa dan selepas berbuka, selepas Solat Tarawih, sebelum tidur dan semasa sahur," ujar Yang Berhormat.

Di samping itu, Yang Berhormat seterusnya menerangkan aktiviti fizikal ringan dan sederhana masih dapat dilakukan pada bulan Ramadhan.

Aktiviti fizikal, seperti berjalan kaki, berbasikal, berkebun ataupun senaman ringan bolehlah dilakukan pada awal pagi, sebelum berbuka puasa atau selepas Solat Tarawih selama 30 minit sehari, terang Yang Berhormat.

"Bagi mereka yang masih merokok, rebutlah peluang keemasan pada bulan Ramadhan ini

untuk berhenti merokok sepenuhnya demi kesihatan diri dan keluarga tersayang.

"Dari itu, marilah kita mengambil kesempatan di bulan Ramadhan ini untuk merapatkan hubungan kekeluargaan dengan bertarawih dan beribadat di rumah masing-masing serta berdoa semoga NBD akan sentiasa dirahmati Allah Subhanahu Wata'ala, diberikan jalan petunjuk dan seterusnya bebas daripada wabak COVID-19 ini," ujar Yang Berhormat lagi.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi healthinfo.gov.bn.

MAKLUMAT PENTING COVID-19

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Pesakit COVID-19 perlu menjalani ujian berulang

Kementerian Kesihatan memaklumkan bahawa dalam menangani dan memahami perkembangan virus COVID-19 ini, para pesakit yang sudah sembuh masih perlu menjalani ujian COVID-19 dan ia dipantau dari masa ke semasa, memandangkan ada terdapat kes-kes jangkitan semula berlaku.

Setiap pesakit atau individu yang diarahkan untuk menjalani ujian tersebut, sekalipun terpaksa berulang kali menjalani ujian berkenaan adalah diwajibkan dan jika gagal berbuat demikian atau enggan melakukan ujian tersebut, maka mereka boleh didakwa di bawah Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204.

Garis panduan perkumpulan ramai dikemas kini

Kementerian Kesihatan memaklumkan bahawa pengemaskinian garis panduan berhubung dengan perkumpulan ramai atau *mass gathering* telah dikeluarkan.

Garis panduan memberi panduan berhubung dengan acara-acara yang dibenarkan dan tidak dibenarkan serta langkah berjaga-jaga yang perlu dipatuhi orang ramai.

Garis panduan tersebut akan meliputi acara-acara, seperti aktiviti-aktiviti peribadi dan kekeluargaan, pendaftaran perkahwinan dan majlis akad nikah, mesyuarat, persidangan, kursus latihan dan temu duga pekerjaan juga aktiviti rekreasi di kawasan yang terbuka.

Perubahan waktu operasi Talian Nasihat Kesihatan 148

Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan mengenai perubahan waktu operasi bagi perkhidmatan Talian Nasihat Kesihatan 148 semasa bulan Ramadhan mulai 8.00 pagi hingga 5.30 petang; dan 7.30 malam hingga 10.00 malam (setiap hari), mulai Sabtu, 25 April 2020.

12,770 ujian makmal dilaksana sejak Januari

Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 340 sampel telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 12,770 ujian.

Tidak ada kes disahkan positif semula

Mengenai dengan kes yang telah sembuh tetapi didapati positif semasa pemeriksaan susulan, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan bahawa tidak ada kes yang disahkan positif semula, manakala 4 kes dibenarkan pulang. Ini membawa jumlah keseluruhan kes yang sedemikian pada masa ini seramai 21 orang, di mana 10 orang masih menjalani pemeriksaan dan ujian lanjut.

Berjaga-jaga, kuatkan daya tahan

Sempena kedatangan bulan Ramadhan yang mulia ini, di samping terus mengambil langkah berjaga-jaga terhadap wabak COVID-19, Kementerian Kesihatan juga ingin mengambil kesempatan untuk membuat beberapa saranan juga nasihat kesihatan yang boleh dilakukan sepanjang bulan Ramadhan ini bagi menjaga dan menguatkan daya tahan kesihatan tubuh badan.

Amalkan pemakanan sihat

Dalam pengambilan makanan, marilah kita bersama mengamalkan pemakanan yang sihat, iaitu seimbang dan bersederhana. Hadkan makanan berminyak atau berlemak, kurangkan garam juga gula dalam masakan dan minuman. Tingkatkan pengambilan buah-buahan dan sayur-sayuran juga pastikan kita meminum air yang mencukupi, iaitu sekurang-kurangnya lapan ke 12 gelas air setiap hari yang boleh diambil semasa dan selepas berbuka, selepas Solat Tarawih, sebelum tidur dan semasa sahur.

Lakukan aktiviti fizikal ringan, sederhana

Aktiviti fizikal ringan dan sederhana masih dapat dilakukan di bulan Ramadhan. Aktiviti fizikal, seperti berjalan kaki, berbasikal, berkebun ataupun senaman ringan bolehlah dilakukan di awal pagi, sebelum berbuka puasa atau selepas Solat Tarawih selama sejumlah 30 minit sehari.

Berhenti merokok untuk keluarga tersayang

Bagi mereka yang masih merokok, rebutlah peluang keemasan di bulan Ramadhan ini untuk berhenti merokok sepenuhnya demi kesihatan diri dan keluarga tersayang.



COVID-19 : Dua disahkan sembuh

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 April. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan bahawa pada hari ini, dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala jua, tidak ada kes baharu jangkitan COVID-19 disahkan di negara ini, yang bermakna jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kekal seramai 138 orang.

Sementara itu, dua kes disahkan sembuh dari COVID-19, menjadikan jumlah keseluruhan yang sembuh kepada 119 orang.

Ini membawa jumlah kes aktif yang masih dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan pada ketika ini kepada 18 kes, dan

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

daripada jumlah tersebut, dua daripadanya masih dalam keadaan kritikal dan kedua-duanya masih memerlukan bantuan mesin tambahan Heart / Lung Machine (ExtraCorporeal Membrane Oxygenation - ECMO), di samping bantuan mesin pernafasan, dan selebihnya adalah dalam keadaan yang baik.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar mengongsikan kenyataan tersebut pada Sidang Media bagi

Situasi Terkini Jangkitan COVID-19, yang diadakan di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Pada hari ini juga, seramai 138 orang sedang menjalani kuarantin menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204, manakala jumlah keseluruhan mereka yang menamatkan tempoh kuarantin ialah sebanyak 2,425 orang.

Jelas Yang Berhormat lagi, dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 281 sampel diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang

membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 12,430 ujian.

Mengenai dengan kes yang sembuh tetapi didapati positif semula semasa pemeriksaan susulan, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan bahawa tiga lagi kes disahkan positif semula.

Ini membawa jumlah keseluruhan kes yang sedemikian pada masa ini seramai 21 orang, di mana 14 orang masih menjalani pemeriksaan dan ujian lanjut.

YANG Berhormat Menteri Kesihatan pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19.



"Sementara itu, dua kes disahkan sembuh dari COVID-19, menjadikan jumlah keseluruhan yang sembuh kepada 119 orang.

"Ini membawa jumlah kes aktif yang masih dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan pada ketika ini kepada 18 kes, dan daripada jumlah tersebut, dua daripadanya masih dalam keadaan kritikal dan kedua-duanya masih memerlukan bantuan mesin tambahan Heart / Lung Machine (ExtraCorporeal Membrane Oxygenation - ECMO), di samping bantuan mesin pernafasan, dan selebihnya adalah dalam keadaan yang baik".

COVID-19 : Pengemaskinian garis panduan perkumpulan ramai dikeluarkan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 April. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan mengenai pengemaskinian garis panduan berhubung dengan perkumpulan ramai atau *mass gathering* yang dikeluarkan pada hari ini.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar mengongsikan kenyataan tersebut pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19, yang diadakan di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

Garis panduan tersebut terang Yang Berhormat lagi, memberi panduan berhubung dengan acara-acara yang dibenarkan dan tidak dibenarkan juga langkah berjaga-jaga yang perlu dipatuhi orang ramai.

Garis panduan tersebut akan meliputi acara-acara, seperti aktiviti-aktiviti peribadi dan kekeluargaan, pendaftaran perkahwinan dan majlis akad nikah, mesyuarat, persidangan, kursus latihan dan temu duga pekerjaan juga aktiviti rekreasi di kawasan yang terbuka.

Untuk makluman orang ramai, garis panduan ini akan diteliti dan dikemas kini dari semasa ke semasa tertakluk kepada perkembangan situasi wabak COVID-19 di peringkat nasional dan antarabangsa.

Dengan ini tambah Yang Berhormat, garis panduan yang dikeluarkan sebelum ini tidak lagi akan digunakan bagi rujukan dan digantikan dengan garis panduan yang bertarikh 29 Syaaban 1441 Hijrah bersamaan 23 April 2020 Masihi.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai bolehlah melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi healthinfo.gov.bn.

Pesakit sembuh enggan jalani ujian berulang boleh didakwa

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 April. - Berhubung mengenai tindakan dan usaha lanjut Kementerian Kesihatan dalam menangani dan memahami perkembangan virus COVID-19 ini, Menteri Kesihatan menjelaskan keperluan untuk menjalani ujian COVID-19 ke atas para pesakit yang sudah sembuh masih perlu dijalankan dan dipantau dari semasa ke semasa, memandangkan ada terdapat kes-kes jangkitan semula berlaku.

Perkara ini dinyatakan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar semasa temu bual ringkas Yang Berhormat bersama Pelita Brunei pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19, yang diadakan di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

Yang Berhormat turut menjelaskan bahawa setiap pesakit atau individu yang diarahkan untuk menjalani ujian tersebut, sekalipun terpaksa berulang kali menjalani ujian berkenaan adalah diwajibkan dan jika gagal berbuat demikian atau enggan melakukan ujian tersebut, maka mereka boleh didakwa di bawah Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204.

Menjawab mengenai kategori perkembangan virus tersebut, jelas Yang Berhormat lagi, pada masa kini seperti yang diketahui virus berkenaan adalah dalam kategori *dead virus* dan mengenai kes-kes jangkitan semula itu didapati ia tidak merebak kepada kalangan ahli keluarga mereka, namun langkah berjaga-jaga masih perlu diambil kira dan ditekankan dari semasa ke semasa.


"Kami juga banyak melakukan perbincangan dengan beberapa buah negara terlibat yang lain mengenai kes jangkitan semula ini, dan kebanyakannya didapati ianya dalam kategori *dead virus*, namun sebagai langkah berjaga-jaga, ujian COVID-19 ke atas bekas pesakit dan ujian selanjutnya masih dilaksanakan di negara ini, berbanding di negara-negara lain yang tidak akan mengadakan ujian selanjutnya ke atas bekas pesakit," terang Yang Berhormat lagi.

akaun **e-darussalam**


Akaun e-darussalam awda adalah gerbang awda untuk mengakses perkhidmatan kerajaan secara *online* seperti memperbaharui lesen memandu dan kenderaan awda, memohon lesen perniagaan, memohon jawatan kosong dan banyak lagi.

Cara-cara untuk mendaftar dan mengaktifkan akaun e-darussalam awda:


- 1




Layari www.gov.bn
- Klik 'Daftar Sekarang' untuk memulakan pendaftaran
- 2




Isikan borang pendaftaran dengan lengkap
- 3



Semak emel awda.
Awda akan menerima emel mengenai tatacara untuk mengaktifkan akaun e-darussalam awda.
- 4




Untuk mengaktifkan akaun awda, taip 'Aktifkan akaun e-darussalam saya' dan sertakan gambar awda yang jelas dengan memegang bahagian hadapan kad pengenalan awda, kemudian hantar ke TD123 melalui:
- Whatsapp Live Chat (8333123)
atau
- Emel (info@123.com.bn)
- 5



TD123 akan mengaktifkan akaun e-darussalam awda jika:
- Gambar awda sepadan dengan gambar dalam kad pengenalan awda
- Nombor dan nama dalam kad pengenalan awda kelihatan jelas

*Tertakluk pada Terma dan Syarat
- 6



TD123 akan mengaktifkan akaun e-darussalam awda jika semua terma dan syarat adalah dipenuhi. Setelah pengaktifan selesai, kata laluan bagi akaun e-darussalam awda akan dihantar melalui emel.

Untuk keterangan lanjut, layari www.gov.bn atau hubungi Talian Darussalam 123 

Negara mula berpuasa

Dari muka 1

Perkara tersebut dimaklumkan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, selaku Yang Dipertua Majlis Ugama Islam Brunei setelah bersidang hasil merukyah anak bulan Ramadan 1441 Hijrah dari tempat-tempat yang ditentukan dan ketetapan persidangan tersebut disebarkan ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Persidangan yang diadakan di Bilik Mesyuarat Menteri Hal Ehwal Ugama, Kementerian Hal Ehwal Ugama itu juga dihadiri oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar, Ketua Hakim Syarie; Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama; dan Yang Mulia Awang Haji Bahrin bin Haji Alias, Pemangku Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah.

Pada tahun ini, lima buah lokasi ditetapkan untuk merukyah anak bulan Ramadan 1441 Hijrah. Lokasi-lokasi tersebut ialah :



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Yang Dipertua Majlis Ugama Islam Brunei (tiga, kanan) semasa bersidang hasil merukyah anak bulan Ramadan 1441 Hijrah dari tempat-tempat yang ditentukan.

Daerah Brunei dan Muara;
ii. Bukit Agok, Jerudong, Daerah Brunei dan Muara;
iii. Tanjung Batu, Pekan Muara, Daerah Brunei dan Muara;
iv. Bukit Lumut, Daerah Belait; dan

v. Bukit Amboq, Daerah Tutong.

Hasil Merukyah Awal Bulan Ramadan 1441 Hijrah pada petang itu diumumkan secara langsung melalui Radio Televisyen Brunei (RTB), Jabatan Perdana

Menteri (JPM), dan umat Islam di negara ini akan mula menunaikan ibadat puasa serta sembahyang Sunat Tarawih dan Bertadarus membaca Al-Quran di rumah masing-masing bersama keluarga pada tarikh tersebut.

Tidak ada kes baharu disahkan

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 April. - Kes COVID-19 di negara ini kekal seramai 138 orang memandangkan tidak ada kes baharu jangkitan COVID-19 disahkan.

Perkara itu dikongsikan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Dewan Al-'Afiyah, Kementerian Kesihatan,

di sini.

Yang Berhormat menjelaskan, satu kes disahkan sembuh daripada COVID-19, menjadikan jumlah keseluruhan yang telah sembuh menjadi 117 orang.

"Ini membawa jumlah kes aktif yang masih dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan (National Isolation Centre - NIC) pada ketika ini kepada 20 kes.

"Daripada jumlah tersebut, dua daripadanya masih dalam keadaan kritikal dan kedua-duanya masih

memerlukan bantuan mesin tambahan Heart / Lung Machine (ExtraCorporeal Membrane Oxygenation - ECMO), di samping bantuan mesin pernafasan. Selebihnya adalah dalam keadaan yang baik," ujarnya.

Menurut Yang Berhormat lagi, seramai 126 orang sedang menjalani kuarantin menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204, manakala jumlah keseluruhan mereka yang menamatkan tempoh kuarantin ialah sebanyak 2,421 orang.

Tambahnya, dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 243 sampel diuji bagi virus SARS-CoV-2, yang membawa jumlah

keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 menjadi 12,149 ujian.

Di samping itu, Yang Berhormat menjelaskan mengenai dengan kes yang sembuh, tetapi didapati positif semasa pemeriksaan susulan, jelasnya, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan bahawa satu kes yang sedemikian disahkan sembuh, manakala tidak ada kes baharu dilaporkan.

Itu katanya, membawa jumlah keseluruhan kes yang sedemikian pada masa ini kekal sebanyak 18 orang, di mana 11 orang masih menjalani pemeriksaan dan ujian lanjut.



YANG Berhormat Menteri Kesihatan pada Sidang Media tersebut.

Pelbagai pihak terus beri sumbangan



YANG Berhormat Menteri Kesihatan menerima sumbangan daripada Menteri-menteri Kabinet NBD berupa cek berjumlah BND100,000 yang disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 April. - Dalam sama-sama berganding bahu bagi menangani penularan jangkitan wabak COVID-19, khususnya di Negara Brunei Darussalam (NBD), sekali gus menanai Tanggungjawab Sosial Korporat, pelbagai pihak tampil untuk membantu pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan

Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, khususnya Kementerian Kesihatan.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar mewakili bagi pihak Kementerian Kesihatan menerima sumbangan daripada Menteri-menteri Kabinet NBD berupa cek berjumlah BND100,000 yang disempurnakan

penyampaiannya oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

Turut hadir ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri

Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Kesihatan

Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, dan Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof.

Majlis berlangsung di Bilik VIP, Tingkat 3, Kementerian Kesihatan.

Sementara itu, beberapa lagi sumbangan turut diterima oleh Kementerian Kesihatan, iaitu daripada Ezy Printing Services & Trading Co. Sdn. Bhd, berupa 1,000 botol pensanitasi tangan 500ml yang disampaikan oleh Pengarah Urusannya, Dato Tion Ing Ping.

Juga turut memberikan sumbangan berupa 10,000 Sungkup Muka ialah HLDS (B) Sdn. Bhd. yang disampaikan oleh Pengarah Urusannya, Madam Li Xiao Jie dan seterusnya sumbangan daripada Visionmed Sdn. Bhd. untuk AE RIPAS berupa 10 keping Disposable Ambubag, dua kotak HMEF, satu kotak Tiub Sedutan, manakala untuk NIC pula, Visionmed Sdn. Bhd. juga turut menyumbangkan 13 Disposable Ambubag, dua kotak HMEF, satu kotak Tiub Sedutan (Suction Tubing) dan dua kotak Non-rebreathing Mask. Kesemua sumbangan ini diserahkan oleh Pengurus Amnya, Reigel Ann

Sunga. Juga hadir ialah Pengurus Produknya, Alex Sunga.

Manakala, Insurans Islam TAIB juga turut menyumbangkan cek berjumlah BND10,000 yang disampaikan oleh Pemangku Pengarah Urusan Insurans Islam TAIB, Hajah Nornaimah binti Haji Zainip.

Deon Sdn. Bhd. pula menyumbangkan 2,000 Sungkup Muka dan 2,000 sarung tangan yang disampaikan oleh Ketua Pegawai Komersialnya, Wong Ka Min.

Persatuan Bekas Guru Agama (PERGA) pula turut menyumbangkan cek berjumlah BND2,150 yang disampaikan oleh Yang Di-Pertua PERGA, Awang Haji Abdul Rahim bin Haji Gantang.

Street IceCream pula menyumbangkan cek berjumlah BND1,000 yang disampaikan oleh Wakil Pengurusnya, semmentaranya cek berjumlah BND1,000 pula merupakan sumbangan persendirian daripada wakil keluarga Allahyarham Dato Paduka Haji Alikhan bin Abdulkhan.

Kesemua sumbangan tersebut diterima oleh Ketua Pegawai Eksekutif Tingkat 1, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Kementerian Kesihatan, Haji Abdul Khalid As'ari bin Haji Azahari yang berlangsung di Dewan Al-'Afiyah, Kementerian Kesihatan.

Bangunan baharu Pusat Pengasingan Kebangsaan dirasmikan



YANG Berhormat Menteri Pembangunan (kanan) menyerahkan kunci Bangunan Pusat Pengasingan Kebangsaan (NIC) Baharu, Tutong kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan pada Majlis Penyerahan Kunci dan Perasmian Bangunan NIC Baharu, Tutong.

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman



SALAH sebuah kaunter yang disediakan di setiap blok-blok bangunan baharu NIC (atas), sementara gambar bawah, Bangunan NIC Baharu, Tutong dibina di atas tapak sebesar 6,000 meter persegi berhampiran NIC yang ada pada masa ini.

TUTONG, Jumaat, 24 April. - Pusat Pengasingan Kebangsaan (National Isolation Centre - NIC) yang baharu, kini sudah siap dibina pada 23 April 2020.

Usaha pembangunan bangunan tersebut adalah respons daripada pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, khususnya dalam menampung rawatan dan pemantauan pesakit-pesakit yang dijangkiti wabak COVID-19 di negara ini.

Pembinaan bangunan di atas tapak berukuran 6,000 meter persegi tersebut bermula pada 27 Mac 2020 lalu, berdekatan bangunan NIC yang ada sekarang, dengan keseluruhan kos pembinaan sebanyak BND11,317,514 oleh Syarikat LSL Sdn. Bhd. yang dilantik oleh Kementerian Pembangunan.

Sehubungan itu, Majlis Penyerahan Kunci dan Perasmian Bangunan NIC Baharu, Tutong tersebut disempurnakan oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar yang kemudian menyerahkan kunci bangunan

kepada Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan bersama Yang Berhormat Menteri Pembangunan seterusnya meninjau lebih dekat fasiliti-fasiliti dan fungsi pusat tersebut, diikuti dengan penanaman pokok-pokok di luar Blok 'F', bangunan berkenaan.

Bangunan NIC Baharu, Tutong ini mengandungi tujuh buah blok utama, di mana Blok-blok 'A' hingga 'E' adalah bagi rawatan pesakit-pesakit yang memenuhi ciri-ciri keperluan lazimnya untuk *setting* klinikal, manakala Blok-blok 'F' juga 'G' adalah untuk pentadbiran dan kejuruteraan.

Selain itu, bangunan ini turut dilengkapi dengan peralatan-peralatan perubatan dan kemudahan baharu, termasuk 160 buah katil di dalam wad-wad pengasingan; enam buah katil bagi rawatan intensif (ICU *beds*); farmasi; bilik-bilik rawatan; bilik bengkel peralatan; bilik mesyuarat; bilik Genset; bilik kaunseling; bilik persiapan makanan; tandas; dan bilik mandi.

Bangunan ini turut dilengkapi



dengan bilik *gowning* dan *de-gowning*; bilik ANTE; bilik *sluice*; bilik sisa *bio-hazard* dan *household*; bilik stor bagi pembersihan peralatan; kawasan menunggu; dan surau.

Ia juga dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan yang dipertingkatkan demi menjaga keselamatan dan kesejahteraan pegawai juga kakitangan yang bertugas di bangunan berkenaan.

Turut hadir, Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Ar. Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin; Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Abdul Manap bin Othman; Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Ir. Awang Haji Amer Hishamuddin bin Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Zakaria; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan) Kementerian Kesihatan, Awang Maswadi bin Haji Mohsin; Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional) Kementerian Kesihatan, Dr. Awang Haji Zulaidi bin Haji Abdul Latif; Timbalan Setiausaha Tetap (Korporat dan Undang-Undang) Kementerian Pembangunan, Sr. Dayang Hajah Norhayati binti Haji Mohd. Yaakub; Pemangku Ketua Pengarah Kerja Raya, Ir. Dayang Lim Sui Kau Alice; Pemangku Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya, Ir. Awang Haji Md. Salleh bin Haji Karim; dan Pegawai Daerah Tutong, Awang Shamsul Bahrin bin Haji Mohd. Hussain.

BANGUNAN NIC Baharu, Tutong dilengkapi dengan 160 katil di dalam wad-wad pengasingan dan enam katil bagi rawatan intensif, di samping dilengkapi dengan peralatan-peralatan perubatan baharu dan beberapa fasiliti yang lain.



Terima sumbangan cek berjumlah BND66,000



DUTA Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam menyerahkan cek berjumlah BND60,000 yang disumbangkan oleh Kedutaan Besar Republik Rakyat China ke negara ini kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan (kiri), sementara gambar kanan, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyerahkan cek berjumlah BND6,000, hasil sumbangan kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan jabatan di bawahnya kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Muhammad Hatral Hazmi
Awang Abdul Hamid

BERAKAS, Khamis, 23 April. - Pelbagai pihak tampil untuk membantu pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, khususnya


Kementerian Kesihatan dalam sama-sama menangani dan membendung penularan wabak COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, sekali gus sebagai Tanggungjawab Sosial Korporat. Kementerian Kesihatan hari ini

menerima sumbangan daripada Kerajaan Republik Rakyat China iaitu sebanyak 100,000 N95 Respirators dan 1,000 Disposable Isolation Gowns yang bertempat di Dewan Al-'Afiyah, kementerian berkenaan, di sini. Sumbangan diserahkan oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke negara ini, Puan Yang Terutama Yu Hong kepada Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr.

Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar. Puan Yang Terutama juga seterusnya menyerahkan cek yang berjumlah BND60,000 yang disumbangkan oleh Kedutaan Besar Republik Rakyat China ke negara ini kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Sejurus selepas itu, Yang Berhormat Menteri Kesihatan juga menerima sumbangan daripada Kementerian Kebudayaan, Belia

dan Sukan (KKBS) yang diadakan di Bilik Tetamu, Tingkat 3, Kementerian Kesihatan. Sumbangan berupa cek yang berjumlah BND6,000 yang disampaikan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Anak bulan Ramadan tidak sabit kelihatan



PENCERAPAN anak bulan Ramadan di Menara Ibu Pejabat DST (atas). Sementara gambar kanan, hadir pada sesi rukyah anak bulan Ramadan 1441 Hijrah di Menara Ibu Pejabat DST ialah Yang Mulia Timbalan Menteri Pembangunan dan di Bukit Agok, Jerudong, Hakim Mahkamah Rendah Syariah, Awang Haji Sahrin bin Haji Kadih (bawah, kanan).



Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi,
Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin

TUNGKU, Khamis, 23 April. - Umat Islam di negara ini akan mula berpuasa pada Sabtu, 1 Ramadan 1441 Hijrah bersamaan 25 April 2020 Masihi, berikutan anak bulan Ramadan tidak sabit kelihatan hasil daripada merukyah anak bulan yang dilakukan di beberapa buah lokasi yang ditetapkan di negara ini pada lewat petang tadi. Bagi Daerah Brunei dan Muara, Menara Bangunan Ibu Pejabat DST, Tanjong Batu dan Bukit Agok digunakan sebagai tempat merukyah anak bulan Ramadan,

sementara Bukit Amboq bagi Daerah Tutong dan Bukit Lumut di Daerah Belait. Pencerapan anak bulan Ramadan di Menara Ibu Pejabat DST dilaksanakan oleh para pegawai dari Jabatan Perdana Menteri (JPM); Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan. Hadir pada aktiviti pencerapan tersebut ialah Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Ar. Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin.

Sementara pencerapan di Bukit Agok, Jerudong pula dihadiri oleh Hakim Mahkamah Rendah Syariah, Awang Haji Sahrin bin Haji Kadih serta Pegawai-pegawai dari Mahkamah-mahkamah Syariah dan Jabatan Ukur. Berikutan anak bulan Ramadan tidak sabit kelihatan, maka umat Islam di negara ini akan mula Sembahyang Sunat Tarawih pada malam esok di rumah masing-masing selepas Sembahyang Fardu Isyak. Pengumuman mengenai hasil merukyah anak bulan Ramadan tersebut turut disiarkan ke seluruh negara melalui Radio Televisyen Brunei.



Hari Bumi : Bersatu padu memelihara bumi, alam sekitar negara

Siaran Akhbar : Kementerian Pembangunan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 April. - Pada hari ini, Negara Brunei Darussalam (NBD) melalui Kementerian Pembangunan memperingati Sambutan Hari Bumi Ke-50 yang diraikan di seluruh dunia bagi menghargai bumi dan memupuk rasa tanggungjawab orang ramai untuk sama-sama memelihara alam sekitar.

Dengan bertemakan 'Tindakan Iklim', Hari Bumi tahun ini menekankan kepentingan tindakan serta perpaduan daripada semua lapisan masyarakat dalam menangani salah satu isu alam sekitar global yang paling mencabar pada masa ini, iaitu perubahan iklim.

Di peringkat global, NBD hanya menyumbang sekitar 0.025 peratus daripada jumlah pelepasan gas rumah hijau dan masih memiliki salah satu sinki karbon yang paling tinggi dengan 72 peratus liputan hutan. Walaupun sumbangan NBD kepada pemanasan global adalah di antara yang paling rendah, NBD tidak terlepas daripada terkesan oleh impak perubahan iklim seperti hujan lebat, banjir, gelombang panas dan kebakaran hutan. Kesan-kesan ini menjejaskan kesejahteraan penduduk, landskap, habitat liar dan kehidupan harian secara amnya. Suhu purata NBD pula menunjukkan peningkatan 0.25 darjah celsius setiap dekad dengan jumlah hujan meningkat pada kadar 100mm setiap dekad.

Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar berucap demikian dalam Perutusan Yang Berhormat Menteri bersempena dengan Hari Bumi Ke-50 yang diraikan pada 22 April 2020 di seluruh dunia pada tahun ini yang bertemakan 'Tindakan Iklim'.

Dalam menangani impak perubahan iklim, Yang Berhormat menjelaskan di mana Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memperkukuhkan urus tadbir perubahan iklim untuk memastikan tindakan iklim

ditangani secara strategik dengan pendekatan Whole-of-Nation di peringkat kebangsaan dan ini adalah melalui Majlis Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam dan penubuhan Jawatankuasa Eksekutif Perubahan Iklim dan tiga kumpulan kerja mengenai Mitigasi Perubahan Iklim, Adaptasi dan Daya Tahan Perubahan Iklim, dan Kerangka Sokongan Perubahan Iklim.

Jelas Yang Berhormat lagi, dengan adanya urus tadbir perubahan iklim ini, satu draf Dasar Perubahan Iklim Kebangsaan Negara Brunei Darussalam digubal dengan bertujuan untuk mengurangi pelepasan gas rumah hijau NBD dan pada masa yang sama, meningkatkan keupayaan NBD dalam menghadapi kesan-kesan perubahan iklim.

Strategi-strategi yang dikenal pasti untuk menyokong sasaran berikut terangkan Yang Berhormat pula adalah melalui pengawalan pelepasan *fugitive* industri, liputan hutan, kenderaan lestari, tenaga boleh diperbaharui, pengurusan tenaga lestari, pengurusan sampah, dan kedayatahan dan adaptasi perubahan iklim.

"Antara usaha lain yang telah dilaksanakan ialah termasuk langkah-langkah adaptasi perubahan iklim untuk meningkatkan daya tahan lingkungan binaan NBD melalui projek mitigasi banjir, perlindungan cerun dan perlindungan pantai. Baru-baru ini, Kementerian Pembangunan mula menangani perubahan iklim melalui Penilaian Impak Alam Sekitar bagi aktiviti-aktiviti yang tertentu.

"NBD akan sentiasa memastikan komitmen antarabangsa di bawah Perjanjian Paris yang ditandatangani pada Hari Bumi empat tahun yang lalu dilaksanakan. Tahun ini, NBD akan menyampaikan 'Nationally Determined Contribution' yang dikemas kini, yang mana akan mencerminkan kesungguhan negara dalam mengatasi isu perubahan iklim di peringkat

kebangsaan di bawah Perjanjian berkenaan," ujar Yang Berhormat.

Tambah Yang Berhormat lagi, Hari Bumi ini merupakan masa yang tepat untuk semua bersatu padu dalam menjalankan peranan kita bagi memelihara bumi, terutama alam sekitar yang indah yang terdapat di NBD.

Ujar Yang Berhormat menambah, dalam kita sama-sama menangani penularan wabak COVID-19 dan mengamalkan penjarakan sosial, Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi dan Urusetia Perubahan Iklim NBD menyeru agar rakyat dan penduduk NBD untuk turut serta dalam mengamalkan 'Tindakan Iklim' dari rumah masing-masing ini kerana sememangnya tempat yang paling berkesan bagi memulakan tindakan iklim adalah di rumah sendiri dan tiada masa lagi yang lebih sesuai untuk melakukannya melainkan

sekarang.

Kementerian Pembangunan juga ujar Yang Berhormat, melancarkan inisiatif penanaman 200 pohon pokok untuk melambangkan pokok-pokok yang diperlukan untuk mengimbangi purata jejak karbon (*carbon footprint*) bagi penduduk di NBD setiap tahun.

"Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada para peserta yang telah secara sukarela menanam pokok-pokok ini di rumah mereka dalam usaha meningkatkan penyerapan karbon negara. Selain itu, kami ingin menggalakkan setiap penghuni rumah untuk menanam lebih banyak pokok di kawasan mereka," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat selanjutnya menjelaskan di mana 'Tindakan Iklim' yang boleh dilakukan di rumah termasuklah dan tidak terhad kepada penggunaan elektrik dan air yang berhemah, beralih ke

lampu LED, mengurangkan pembuangan sampah di rumah, mengamalkan kompos sampah hijau, menggunakan semula barangan terpakai, atau meningkatkan pengetahuan dan kesedaran mengenai perubahan iklim. Rakyat dan penduduk NBD adalah digalakkan untuk mengira jejak karbon (*carbon footprint*) masing-masing dan belajar cara untuk mengimbangi pelepasan karbon mereka dengan melayari laman sesawang <https://carbon.green-brunei.com>.

"Sebagai penutup, izinkan saya mengucapkan sebanyak terima kasih kepada Organisasi Bukan Kerajaan dan sektor swasta yang terus menerus memimpin usaha yang berkaitan dengan 'Tindakan Iklim' dan inisiatif lain yang berkaitan dengan alam sekitar sepanjang tahun. Adapun 'Tindakan Iklim' adalah tindakan untuk semua," ujar Yang Berhormat.

Lindungi bumi kita untuk generasi akan datang

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 April. - Sambutan Hari Bumi Ke-50 yang diraikan pada 22 April 2020 di seluruh dunia pada tahun ini bertemakan 'Tindakan Iklim' adalah bagi menghargai bumi dan memupuk rasa tanggungjawab orang ramai untuk sama-sama memelihara alam sekitar.

Sempena Hari Bumi ini, Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar dalam kenyataannya turut memberikan sokongan Sambutan Hari Bumi 2020 untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan untuk melindungi bumi kita bagi generasi yang akan datang.

Dalam kenyataan Yang Berhormat menyeru agar rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam untuk turut serta dalam mengamalkan 'Tindakan Iklim' dari rumah masing-masing kerana sememangnya tempat yang paling berkesan bagi memulakan tindakan iklim adalah di rumah sendiri dan tiada masa lagi yang lebih sesuai untuk melakukannya melainkan sekarang.

Aktiviti-aktiviti 'Teranah di Rumah' bersempena Hari Bumi bolehlah didapati dari akaun-akaun media sosial Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (@jastre.bn) dan Urusetia Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam (@bccs.bn).



كمنترین كواغن دان ايكونومي
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY
 BRUNEI DARUSSALAM

MAKLUMAN
PEMBAYARAN PENCEN
PERKHIDMATAN/PENCEN TURUNAN
(BALU DAN TANGGUNGAN) MELALUI BANK

1 MUAT TURUN & ISI BORANG YANG DIPEROLEHI DARI WWW.MOFE.GOV.BN

2 IMBAS (SCAN) ATAU GAMBAR DOKUMEN:  BORANG  KAD PINTAR  NOMBOR AKAUN BANK

3 HADAPKAN MELALUI APLIKASI WHATSAPP ATAU E-MEL:

 **7373222**

 **PENCEN@TREASURY.GOV.BN**

www.mofe.gov.bn
 +673 2383444

    @mofebrunei

Penanaman anak pokok sebagai sokongan Hari Bumi

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pembangunan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 April. - Sempena Sambutan Hari Bumi yang diraikan pada 22 April 2020 yang bertemakan 'Tindakan Iklim' di seluruh dunia, Kementerian Pembangunan melalui Urusetia Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam mengadakan inisiatif penanaman 200 anak pokok bagi melambangkan jumlah pokok

untuk mengimbangi carbon footprint seorang penduduk setahun.

Setakat ini, sebanyak 50 buah rumah ikut juga dalam inisiatif tersebut, di mana setiap rumah menanam empat anak pokok.

Hari ini, Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Ar. Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin

memulakan usaha tersebut dengan penanaman empat anak pokok di pekarangan bangunan Kementerian Pembangunan, seterusnya menggalakkan agar rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam untuk menanam lebih banyak pokok.

Hadir sama, Setiausaha Tetap (Infrastruktur, Perumahan dan Profesional), Kementerian Pembangunan, Ir. Awang Haji Amer Hishamuddin bin Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Zakaria.

"Kementerian Pembangunan melalui Urusetia Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam mengadakan inisiatif penanaman 200 anak pokok bagi melambangkan jumlah pokok untuk mengimbangi 'carbon footprint' seorang penduduk setahun. Setakat ini, sebanyak 50 buah rumah ikut juga dalam inisiatif tersebut, di mana setiap rumah menanam empat anak pokok".



YANG Mulia Timbalan Menteri Pembangunan (kanan) menanam anak pokok di pekarangan bangunan Kementerian Pembangunan sempena Sambutan Hari Bumi.

Tindakan Iklim

THE MINISTRY OF DEVELOPMENT PRESENTS

Stay At Home

50th

EARTH Day

APRIL 22 2020

"CLIMATE ACTION"

from your home

#EARTHDAYBN

ACTIVITIES

PLANT TREES AT HOME | CALCULATE YOUR CARBON FOOTPRINT
UPCYCLE OLD WARDROBE | ZERO WASTE CHALLENGE
TEST YOUR GREEN IQ | MORE AT @JASTRE.BN @BCCS.BN

BRUNEI CLIMATE CHANGE SECRETARIAT

جابتن عالم سكرتير تامين دان ريكرياسي
DEPARTMENT OF ENVIRONMENT, PARKS AND RECREATION

كمتريين قباغونين
MINISTRY OF DEVELOPMENT

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 April. - Hari ini, 22 April 2020 merupakan Hari Memperingati Hari Bumi Ke-50, dengan tema 'Tindakan Iklim'. Aktiviti-aktiviti duduk di rumah sempena Hari Bumi boleh didapati melalui akaun media sosial Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (@jastre.bn) dan Urusetia Perubahan Iklim Kebangsaan Brunei (@bccs.bn).

TD123 giat tingkatkan mutu perkhidmatan

Siaran Akhbar :
Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 April - Talian Darussalam 123 (TD123), iaitu pusat panggilan kebangsaan bagi perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan yang berbentuk kecemasan dari semasa ke semasa menambah perkhidmatan yang diberikan kepada orang ramai.

Mulai 13 April 2020, Jabatan Pengangkutan Darat mula menggunakan perkhidmatan TD123 bagi Permohonan-permohonan Membaharui Lesen Memandu (DL) dan Lesen Kenderaan (VL) sebagai inisiatif bagi mengurangkan kesesakan pengunjung ke kaunter-kaunter Jabatan Pengangkutan Darat.

Pihak TD123 mengakui terdapat kekurangan, khususnya dari segi kelewatan dan kesulitan dalam menerima dan mengendalikan permohonan juga pertanyaan melalui talian Hotline, e-mel dan aplikasi WhatsApp LiveChat.

Perkara tersebut adalah disebabkan oleh panggilan yang diterima pada masa ini yang melebihi dua kali ganda daripada panggilan biasa diterima oleh TD123.

Dalam hal ini, pihak TD123 ingin memohon maaf di atas sebarang kesulitan yang mungkin timbul daripadanya

dan merakamkan ucapan terima kasih kepada orang ramai atas kerjasama dan segala feedback yang diberikan setakat ini.

Langkah-langkah bagi menangani isu ini juga sedang dalam pelaksanaan dengan menambah call agent bagi menjawab setiap panggilan.

Untuk makluman orang ramai, anggaran tempoh kesiapan bagi permohonan-permohonan perkhidmatan melalui TD123 adalah seperti berikut : Mengaktifkan Akaun e-Darussalam dalam tempoh dua ke tiga hari; Membaharui DL dalam tempoh lima hari; dan Membaharui VL dalam tempoh lima hari.

Pada kesempatan ini, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi juga ingin mengalu-alukan orang ramai bagi membuat Permohonan-permohonan Membaharui DL dan VL dalam talian melalui laman sesawang kerajaan www.gov.bn atau melalui aplikasi mudah alih TransportBN.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai bolehlah melayari www.123.gov.bn atau mengikuti media sosial (Instagram, Facebook & Twitter @TD123).



PEMANGKU Setiausaha Majlis Ugama Islam, Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Akop.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 24 April. - Tatacara pembayaran Zakat Fitrah dan Zakat Harta, antara persoalan yang pernah ditimbulkan semasa Sidang Media mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam baru-baru ini. Sehubungan itu, Pelita Brunei

Garis panduan pembayaran zakat

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Jabatan Penerangan

sempat menemu bual Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam, Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Akop untuk memperjelaskan perkara tersebut memandangkan kita umat Islam di negara ini akan memulakan ibadah puasa pada Sabtu, 25 April 2020.

Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam, Awang Haji Abdul Aziz menyatakan bahawa penerimaan Zakat Fitrah dan Zakat Harta akan mengambil tempat di ruang legar masjid atau beranda masjid, manakala dewan sembahyang tidak akan digunakan untuk penerimaan bayaran zakat tersebut.

Bagi masjid yang tiada kawasan berkenaan, maka penerimaan akan mengambil tempat di luar kawasan masjid dengan didirikan kem-kem yang bersesuaian.

Beliau turut menjelaskan

bahawa waktu penerimaan zakat di sepanjang bulan Ramadan ialah mulai jam 8.30 pagi hingga 11.00 pagi, manakala pada sebelah petang pula dari jam 1.00 petang hingga 3.00 petang.

Dalam usaha membendung dan mempertingkatkan lagi langkah-langkah kewaspadaan terhadap penularan wabak COVID-19 di negara ini, Jabatan Majlis Ugama Islam turut melaksanakan inisiatif dan usaha bagi memudahkan pengutipan zakat, antaranya mengatur beberapa orang pegawai dan kakitangan jabatan untuk mengutip zakat di bangunan kementerian secara berjadual bagi kemudahan para pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam untuk melaksanakan Rukun Islam keempat itu, iaitu menunaikan Zakat Fitrah.

Selain itu, kaunter-kaunter penerimaan zakat juga akan dibukakan bagi kemudahan orang ramai untuk membayar zakat mereka bagi mengelakkan orang ramai berkumpul dan barisan yang panjang.

Beliau turut menasihatkan kepada orang ramai untuk tidak membuat bayaran zakat di saat-saat akhir demi mengelakkan kesesakan orang ramai, malah pihaknya turut menitikberatkan penjarakan sosial untuk dipraktikkan, khususnya semasa membuat pembayaran zakat.

Selain itu, pemeriksaan suhu badan juga akan dijalankan sebelum ke tempat ruang

pembayaran, termasuk penyediaan *hand sanitizer*.

Dalam sama-sama membendung penularan wabak COVID-19 ini juga, para amil ditekankan untuk memastikan supaya pelaksanaan kutipan zakat hendaklah menurut tatacara dan kaedah yang disarankan oleh Kementerian Kesihatan sebagaimana yang dimaklumi mengenainya.

Seperti lazimnya, kadar bayaran Zakat Fitrah yang wajib dikeluarkan pada tahun ini bagi seorang adalah sebanyak BND1.93 bagi Beras Siam, sementara BND2.84 bagi Beras Wangi bersamaan dengan nilai beras sebanyak 2.268 kg.

Sumbangan bantu bendung penularan COVID-19



KETUA Pegawai Eksekutif Tingkat I selaku Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Tingkat Khas, Awang Abdul Khalid As'ari bin Haji Azahari mewakili Kementerian Kesihatan menerima sumbangan daripada Sekolah Rendah Haji Jaafar Maun, Kiulap (Kluster 2) (atas) dan GLAMCO AVIATION (B) Sdn. Bhd. (atas kanan).

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 April. - Kementerian Kesihatan terus menerima sumbangan daripada pelbagai pihak, di mana ia adalah sebagai Tanggungjawab Sosial Korporat dan sumbangan ihsan daripada pihak-pihak penderma dalam membantu pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, khususnya Kementerian Kesihatan dalam sama-sama menangani dan membendung penularan jangkitan wabak COVID-19 di negara ini.

Sehubungan itu, pada sesi petang itu, Kementerian Kesihatan menerima sumbangan cek yang keseluruhannya berjumlah BND38,287.

Sumbangan tersebut adalah dari Sekolah Rendah Haji Jaafar Maun, Kiulap (Kluster 2) yang menyumbangkan cek berjumlah

BND523 yang diserahkan oleh Guru Besar sekolah tersebut, Dayang Hajah Noraini binti Haji Timbang, diikuti pula sumbangan cek berjumlah BND5,000 daripada GLAMCO AVIATION (B) Sdn. Bhd., disampaikan oleh Pengerusinya, Pengiran Dato Haji Abidin bin Pengiran Ahmad dan juga Pengarah Urusannya, Shran Jeet Singh.

Sementara itu, Armada Properties Sdn. Bhd. juga turut menyumbangkan cek berjumlah BND10,000 yang disampaikan oleh Ketua SCR, Dayang Osmalinawati binti Haji Osman. Cek seterusnya hasil sumbangan daripada AIA Singapore Private Limited, Brunei Branch berjumlah BND5,000 juga cek daripada Agents and Staffs of AIS Singapore Private Limited berjumlah BND7,264.00, yang disampaikan oleh Pengerusi Am, Kenneth Ling.

Seterusnya diikuti pula sumbangan cek berjumlah BND5,000 daripada Nursabrina Sdn. Bhd., disampaikan oleh Pengarahnya, Farook Ali Varusai Mohamed.

Manakala Centrepont Badminton Players juga turut menyumbangkan cek berjumlah BND1,500, disampaikan oleh Dayang Nurummustaspian binti Chuchu.

Akhir sekali, cek berjumlah BND4,000 adalah sumbangan daripada Pizza Hut Brunei yang disampaikan oleh penderma-penderma yang terdiri daripada kakitangan dan pelanggan Pizza Hut Brunei.

Kesemua sumbangan tersebut diterima oleh Ketua Pegawai Eksekutif Tingkat I selaku Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Tingkat Khas, Awang Abdul Khalid As'ari bin Haji Azahari bagi mewakili Kementerian Kesihatan yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, kementerian tersebut.



Dapatkan maklumat terkini mengenai situasi COVID-19 di Negara Brunei Darussalam melalui Telegram rasmi GOV.BN <https://t.me/govbnoofficial> atau imbas QR code



Waktu operasi Talian Nasihat Kesihatan sepanjang Ramadan

Perkhidmatan	Waktu Beroperasi Yang Dikemaskini	Mulai
Talian Nasihat Kesihatan 148	8:00 pagi – 5:30 petang 7.30 malam – 10 malam (setiap hari)	25 April 2020

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 24 April. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan

kepada orang ramai mengenai perubahan waktu operasi bagi perkhidmatan Talian Nasihat

Kesihatan 148, khususnya semasa bulan Ramadan ini. Waktu operasi Perkhidmatan

Talian Nasihat 148 bermula jam 8.00 pagi hingga 5.30 petang; dan 7.30 malam hingga 10.00 malam.

Waktu operasi yang dikemaskinikan tersebut beroperasi setiap hari dan dimulakan pada 25 April 2020.

Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan ingin memohon maaf di atas sebarang kesulitan yang dihadapi daripada perubahan

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

waktu operasi tersebut.

Untuk maklumat lanjut mengenai, orang ramai juga boleh menghubungi Talian Darussalam 123 pada bila-bila masa sahaja.

LWBA Ke-13 dilancarkan

Siaran Akhbar : LiveWire Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 24 April. - LiveWIRE Brunei mengadakan pelancaran dalam alam maya bagi Anugerah Perniagaan LiveWIRE Brunei (LWBA) Ke-13, baru-baru ini, untuk memberikan penghargaan dan pengiktirafan kepada mereka yang cemerlang dalam perancangan perniagaan dan operasi perniagaan yang sedia ada.

Anugerah tersebut merupakan inisiatif LiveWIRE Brunei dan dibiayai sepenuhnya oleh Brunei Shell Petroleum Sdn. Bhd. (BSP) dengan objektif utama untuk

menyokong usaha yang berterusan dalam mempelbagaikan ekonomi secara aktif untuk pembangunan PKS yang pesat di Negara Brunei Darussalam.

Pelancaran ini juga menandakan pendekatan yang diperbaharui dan diperkenalkan pada tahun ini, lebih berkaitan dengan fokus kepada peluang memantapkan ekonomi dan nilai, khususnya dalam agroteknologi dan inovasi.

Di samping itu, LiveWIRE Brunei akan terus menyokong pembangunan usahawan muda dengan akses kepada pembiayaan, inkubasi dan mentor juga

mempromosikan penciptaan perniagaan lestari dengan hubungan pasaran yang tersedia dan penggunaan teknologi.

Program ini merupakan platform untuk mengenal pasti perniagaan berpotensi untuk persaingan Global Shell LiveWIRE Top Ten Innovator dan menampilkan alumni siap eksport untuk LiveWIRE eShop bagi membantu mereka mengakses pelanggan global.

Pada tahun lalu, S&R Aquafarm, milik Brunei, berjaya mendapat hadiah naib juara dan antara salah satu daripada 10 penerima Anugerah Top Ten Innovator berprestij.

Perubahan ketara lain pada tahun

ini, Kategori Business Award yang dibahagikan kepada dua kategori, iaitu Kategori Permulaan; dan Kategori Institusi Tinggi.

Sejajar dengan menyediakan kandungan tempatan yang selari dengan dorongan strategi negara ke arah Digitilisation and Industrial Revolution 4.0, Business Award Focus mengenal pasti lima bidang utama dalam pertandingan ini, iaitu agroteknologi, peralihan tenaga, pengurusan sisa, digitilisasi dan pembangunan pintar.

Proses penilaian LWBA 2020 dijangka akan berlangsung selama tujuh bulan, merangkumi penglibatan pasaran, di mana para peserta mendaftar melalui laman sesawang *bootcamp*, mentor perniagaan, sesi *pitching*, penyampaian anugerah, dan sokongan rangkaian juga alumni.

Sebagai sebahagian daripada

usaha LiveWIRE mengenai langkah-langkah keselamatan COVID-19, setiap proses pertandingan akan dilakukan sesuai dengan panduan Kementerian Kesihatan.

Tarikh akhir penghantaran untuk Anugerah Perniagaan LiveWIRE Brunei Ke-13, Tahun 2020 adalah pada 10 Ogos 2020. Maklumat lebih lanjut boleh didapati di awards.livewirebrunei.com.

LiveWIRE Brunei adalah Pelaburan Sosial BSP, bertujuan untuk menajayakan dan membimbing usahawan semasa dan masa depan.

Ini hanyalah salah satu daripada komitmen BSP untuk memelihara dan mengembangkan kecekapan, kemampuan dan daya saing perniagaan tempatan, khususnya untuk kelestarian jangka panjang ekonomi sektor swasta Negara Brunei Darussalam.



JABATAN Bomba dan Penyelamat (JBP) menasihati agar sentiasa mengambil langkah berhati-hati dalam mendapatkan alat ganti kenderaan agar ia sesuai dan selamat juga lulus untuk digunakan.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Bomba dan Penyelamat

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 24 April. - Negara Brunei Darussalam akan menyambut kedatangan bulan Ramadan dan setiap umat Islam akan menunaikan ibadah puasa.

Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) sukacita mengingatkan orang ramai supaya meningkatkan lagi keselamatan dan kewaspadaan, khususnya di jalan raya.

Menurut statistik JBP yang direkodkan sepanjang bulan Januari hingga Mac 2020, sebanyak 37 kes jumlah panggilan kebakaran dan kemalangan kereta yang direkodkan oleh jabatan.

Menurut statistik kebakaran dan kemalangan kereta yang dicatatkan oleh JBP bagi bulan Januari hingga Mac 2020, sebanyak 21 panggilan diterima untuk kebakaran kereta, manakala 16 panggilan kecemasan untuk kemalangan kereta.

Sebanyak BND76,150 anggaran kerugian dicatatkan bagi kebakaran kereta, manakala 12 kecederaan dicatat untuk kemalangan kereta.

Di sepanjang bulan Januari

hingga Mac 2020, hanya satu kematian sahaja dicatatkan oleh JBP yang terlibat dalam kemalangan jalan raya.

Antara kategori punca kebakaran kenderaan, seperti masalah mekanikal, di mana kenderaan tersebut mempunyai kerosakan komponen mekanikal, kebocoran hos minyak atau saluran di komponen kenderaan dan penyambungan yang longgar.

Selain itu, punca kebakaran kenderaan juga berlaku disebabkan kurang pengetahuan dalam pemilihan alat ganti komponen kereta, membiarkan enjin kenderaan dalam keadaan hidup dan kebakaran yang ditinggalkan, lalu melarat ke kawasan letak kereta.

Seterusnya, masalah elektrik dalam enjin kenderaan, iaitu kerosakan komponen sistem elektrik di dalam enjin, kerosakan bahagian pendawaian sistem, kerosakan bahagian ABS (Anti-Lock Braking System) dan Kerosakan kotak fius di dalam enjin. Kebakaran kenderaan turut berlaku disebabkan hentakan yang kuat sehingga mengakibatkan

Tingkat kewaspadaan di jalan raya

kemalangan.

Sehubungan itu, JBP ingin menyarankan kepada orang ramai untuk lebih peka dalam mengetahui aspek keselamatan kebakaran bagi menghindarkan kejadian kebakaran atau kemalangan kereta daripada berlaku dengan menghentikan sebarang pengubahsuaian terhadap reka bentuk asal kenderaan.

Kemudian, tidak membuat pengubahsuaian sistem pendawaian elektronik dengan sembarangan tanpa mengikut spesifikasi asal kenderaan juga kemampuan enjin berkenaan.

Memastikan pemeriksaan sistem pendawaian elektrik, enjin dan sistem bahan api juga alat-alat mekanikal kenderaan diselenggarakan oleh mekanik bertauliah, bertujuan untuk mengesan sebelum terjadinya sebarang kerosakan atau kebocoran pada kenderaan.

Sentiasa mengambil langkah berhati-hati dalam mendapatkan alat ganti kenderaan agar ia sesuai dan selamat juga lulus untuk digunakan.

Selain itu, jangan meninggalkan harta benda di dalam kenderaan, terutama sekali yang boleh menyebabkan kebakaran, seperti *power bank* dan sebagainya.

Apabila berada di stesen minyak, pemandu mestilah mematikan enjin kenderaan dan tidak menyalakan api atau rokok juga tidak menggunakan telefon bimbit semasa sedang mengisi minyak kerana minyak kenderaan adalah bahan yang mudah terbakar.

Dalam kesempatan ini, JBP ingin mengucapkan Selamat Menyambut Kedatangan Bulan

Ramadan dan Selamat Menunaikan Ibadah Puasa.

Oleh yang demikian, JBP menekankan sekali lagi kepada orang ramai agar berhubung terus

ke Pusat Gerakan JBP melalui Talian Kecemasan JBP 995, jika ada sebarang kecemasan berlaku dengan memberikan maklumat yang tepat.

Nasihat untuk WARGA EMAS semasa jangkitan COVID-19

Sentiasa hubungi ahli keluarga, sanak saudara dan rakan abiskita bagi mengetahui keadaan mereka

Bagi sebarang pertanyaan, sila hubungi Talian Nasihat Kesihatan 148

Inisiatif Program Transformasi Ramadan



PENGARAH Urusan Nadi Quranic Learning Centre Brunei, Awang Mohamad Akmal bin Haji Marsidi.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 April. - Ramadan bakal menjelma hampir menemui kita yang sememangnya umat Islam nantikan kerana ganjaran lautan pahala yang dikurniakan termasuk satu malam yang amat istimewa dipanggil Malam Lailatul Qadar.

Berikutan pandemik jangkitan wabak COVID-19, negara juga sangat mengambil langkah-langkah yang tegas dalam mengekang penularan jangkitan wabak berkenaan antaranya menutup semua masjid-masjid, surau-sarau dan balai-balai ibadat di seluruh negara ketika ini.

Meskipun demikian, selaku umat Islam itu bukan penghalang untuk kita terus beribadah malah kita ambil dari sudut yang lain bahawa keberadaan kita

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Nadi Quranic Learning Centre Brunei

di rumah itu akan lebih mempertingkatkan amal ibadah serta memperteguhkan lagi ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Sehubungan itu, Nadi Quranic Learning Centre Brunei dengan inisiatifnya mengendalikan program Transformasi Ramadan demi menggalakkan orang ramai agar sama-sama menyemarakkan lagi bulan suci walaupun dalam suasana yang berbeza daripada sebelumnya.

Pengarah Urusan Nadi Quranic Learning Centre Brunei, Awang Mohamad Akmal bin Haji Marsidi ketika ditemu bual antara lain menjelaskan, keistimewaan program Transformasi Ramadan ini adalah dalam bulan mubarak itu kita lebih menjurus ke arah perubahan dan memberikan kita peluang ke arah memperbaiki diri untuk menjadi yang lebih baik.

Beliau menjelaskan program yang dijangka bermula pada 1 Ramadan itu nanti akan menjalankan Tadarus Al-Quran dalam talian (*online*) selain beberapa bengkel yang terbaharu tahun ini iaitu Bengkel Tarannum, Bengkel Murottal dan Tadabbur Surah.

"Kami adakan pembacaan Al-Quran satu juzuk setiap hari secara langsung di Facebook. Orang ramai yang berminat untuk mendengar bacaan sambil memperbetulkan bacaan boleh mengikuti kami di Facebook setiap

kali selepas waktu solat (lima kali secara langsung setiap hari). Selain membaca, kitani jua sangat digalakkan untuk mendalami ilmu Al-Quran itu dari sisi yang lain. Kerana Al-Quran itu sangat luas ilmunya," katanya.

Nadi Quranic sememangnya pernah menjalankan tadarus Ramadan akan tetapi pada tahun ini, ia agak istimewa, kerana terdapat beberapa bengkel baharu buat pertama kali akan dianjurkan, tambahannya kepada media.

Penyertaan untuk setiap bengkel ini tidak terhad malah pembelajaran dalam talian memberi ruang untuk lebih ramai menyertai kerana program tidak terhad kepada saiz kelas dan sebagainya. Program ini nanti akan melibatkan seramai 14 orang tenaga pengajar dan staf dari Nadi Quranic.

Beliau seterusnya berharap walaupun dalam keterbatasan kita dalam Ramadan kali ini, kita mampu menjadikannya yang terbaik ke arah usaha kita mendekati diri kepada Allah dan sentiasa mengamalkan pembacaan Al-Quran.

Orang ramai yang ingin mengikuti bolehlah memilih pakej-pakej bengkel yang disediakan dengan bayaran-bayaran yang tertentu. Sebarang maklumat lanjut bolehlah terus menghubungi Nadi Quranic Learning Centre Brunei menerusi talian +673 7143118.

PPDB terima sumbangan



SUMBANGAN derma berupa 5,000 keping sungkup muka dan 10 unit pengimbas suhu badan daripada Ong Marble Trading Company dan Kamila disampaikan oleh May Su Chiu Ping dan Dayang Umikalsom binti Mat Saruddin kepada Pengarah Jabatan Pentadbiran Am dan Kewangan PPDB, Mohammad Zulhilmi bin Haji Omar Ali.

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

GADONG, Khamis, 23 April. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) baru-baru ini menerima sumbangan derma berupa 5,000 keping sungkup muka dan 10 unit pengimbas suhu badan daripada Ong Marble Trading Company dan Kamila Construction Sdn. Bhd.

Sumbangan tersebut disampaikan oleh May Su Chiu Ping dan Dayang Umikalsom binti Mat Saruddin kepada Pengarah Jabatan Pentadbiran Am dan Kewangan PPDB, Mohammad Zulhilmi bin Haji Omar Ali, di Ibu Pejabat PPDB.

Sumbangan tersebut adalah keperluan yang disalurkan bagi kegunaan Pegawai dan Anggota barisan hadapan Pasukan Polis Diraja Brunei dalam menangani penularan jangkitan wabak COVID-19 di negara ini.

PPDB mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan berbilang terima kasih kepada Ong Marble Trading Company dan Kamila Construction Sdn. Bhd. atas sumbangan ikhlas bagi sama-sama membantu dalam pencegahan jangkitan wabak COVID-19 di Negara Brunei Darussalam.

RTB teruskan Projek Jalinan Kasih ke-12

Siaran Akhbar : Radio Televisyen Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 April. - Radio Televisyen Brunei (RTB) melalui Bahagian Rancangan Radio pada tahun ini meneruskan lagi pelaksanaan projek 'Jalinan Kasih' buat kali ke-12.

Projek 'Jalinan Kasih' merupakan tanggungjawab sosial RTB dalam sama-sama mendukung hasrat kerajaan bagi mewujudkan kehidupan bermasyarakat yang penyayang dan prihatin kepada golongan yang kurang bernasib baik dan memerlukan bantuan.

Pada tahun ini, seramai 25 orang penerima menerima sumbangan berupa keperluan harian dan wang tunai, iaitu 11 orang dari Daerah Brunei dan Muara, lima orang dari Daerah Tutong, lima orang dari Daerah Belait dan empat orang dari Daerah Temburong.

Para penerima terdiri daripada anak-anak yatim, warga emas, orang-orang yang berkeperluan khas, saudara-saudara baharu dan individu-individu yang kurang berkemampuan.

Bagi projek kali ini, sebanyak 18 buah syarikat tempatan ikut serta dalam memberikan sumbangan kepada para penerima yang terpilih. Syarikat-syarikat tersebut ialah BMC Food Industries; TGT Sdn. Bhd.; Hamitan Group; Lotus Light Charity Society; Bahagia Distributors Sdn. Bhd.; Orbit Supermarket; Brusin Trading Co. Sdn. Bhd.; Copynice Marketing Services Sdn. Bhd.; Sim Kim Huat; Khan's Carpet; Progresif Sdn. Bhd.; Syarikat Ampuan Haji Salleh bin Ampuan Haji Judah; Ton Soon Heng; Chieng Chiew Ann; Restoran Tanda Kasih; Restoran Nurshahnizam; Joffren Omar Company Sdn. Bhd. dan Pusat Akademi Sukan Mamanah Ar-Rafi Archery Brunei.

Pelaksanaan projek adalah bertepatan dengan slogan RTB, iaitu 'Sentiasa Bersama Biskita' yang bukan hanya terbatas melalui radio dan televisyen, malahan jua secara bersemuka dengan masyarakat di keempat-empat daerah.

Berikutan penularan jangkitan wabak COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, rombongan 'Jalinan Kasih' mengambil langkah-langkah waspada seperti melakukan penjarakan sosial, menghadkan jumlah keramaian ahli jawatankuasa kerja dan memendekkan masa bagi penyerahan sumbangan.

Waktu operasi AMBD di bulan Ramadan

Siaran Akhbar : Autoriti Monetari Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 April. - Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa bagi menyambut kedatangan bulan Ramadan 1441 Hijrah, Pejabat AMBD akan ditutup pada Jumaat, 24 April 2020 dan dibuka semula pada Isnin, 27 April 2020.

Sementara waktu bekerja AMBD dan waktu operasi sistem Real-Time Gross Settlement (RTGS) serta sistem Automated Cheque Clearing House (ACH) di sepanjang bulan Ramadan adalah seperti berikut :

Waktu Bekerja
• Isnin hingga Khamis : 8.00 pagi hingga 3.00 petang.
• Jumaat : 7.30 pagi hingga 11.30 pagi.

Waktu bekerja bagi Sistem RTGS adalah setiap Isnin hingga Khamis dari jam 8.45 pagi hingga 1.40 petang dan pada Jumaat adalah dari jam 8.45 pagi hingga 10.50 pagi sahaja. Manakala bagi Sistem ACH adalah setiap Isnin hingga Khamis dari jam 9.00 pagi hingga 2.00 petang dan pada

Jumaat adalah dari jam 9.00 pagi hingga 11.00 pagi sahaja.

AMBD juga ingin memaklumkan orang ramai bahawa gangguan sementara kepada perkhidmatan-perkhidmatan awam AMBD akan dilanjutkan iaitu seperti :

Biro Kredit (Self-Inquiry Reports and Dispute Resolution) adalah ditutup. Bagi sebarang pertanyaan, orang ramai boleh mengajukannya melalui e-mel ke birokredit@ambd.gov.bn, atau menghubungi terus talian +673 2233369 semasa waktu bekerja sahaja.

Galeri Mata Wang AMBD dan Gift Shop adalah ditutup. Walau bagaimanapun, beberapa mata wang kenang-kenangan boleh diperolehi dari Pusat Kesenian dan Kraftangan Brunei dan cawangan-cawangan Aewon Garment and Embroidery di Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan Radisson Hotel Brunei.

Mesin Deposit Duit Syiling AMBD juga ditutup. Sebagai alternatif, orang ramai bolehlah

membuat deposit syiling untuk dimasukkan ke dalam akaun bank melalui bank masing-masing.

Isu Pengguna Kewangan AMBD

• Buka melalui persuratan. Orang ramai boleh menghubungi pihak Isu Pengguna Kewangan melalui e-mel fci@ambd.gov.bn atau di talian +673 2380007 semasa waktu bekerja sahaja.

Kaunter Baki Tidak Di Tuntut (Unclaimed Balances Counter)

• Buka melalui persuratan. Orang ramai masih boleh menghantar permohonan bagi baki yang tidak dituntut melalui e-mel ke banking.uch@ambd.gov.bn. Maklumat lanjut mengenai proses permohonan boleh didapati melalui pautan <https://www.ambd.gov.bn/consumer/unclaimed-money>.

Orang ramai juga boleh menghubungi talian +673 2380975 semasa waktu bekerja bagi sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut mengenainya.

AMBD ingin memohon maaf di atas sebarang kesulitan yang dialami dan ingin mengucapkan selamat menyambut bulan Ramadan kepada semua Muslimin dan Muslimat.

BIBD kongsi keberkahan Ramadan



SUMBANGAN barang-barang bantuan diserahkan oleh kakitangan BIBD sempena Sirah Amal Ke-10 yang merupakan aktiviti tahunan BIBD.

Siaran Akhbar dan Foto : Bank Islam Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 April. - Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) baru-baru ini menjalankan aktiviti tahunannya, iaitu Sirah Amal Ke-10 yang berjalan dengan penuh semangat bagi menyambut bulan Ramadan.

Para kakitangan bank berkumpul untuk mengunjungi keluarga dengan menyumbangkan barang-barang bantuan seperti barang-barang rumah tangga, barang keperluan sembahyang, barang-barang hari raya dan lain-lain untuk menyokong

persiapan pada bulan Ramadan dan Syawal yang akan datang.

Sirah Amal Ke-10 ini bermula pada 17 April yang lalu dengan mengadakan lawatan ke keluarga di Daerah Brunei dan Muara dan diperluas ke keempat-empat daerah selama satu minggu.

Berikutan wabak global pandemik COVID-19, kakitangan bank dengan berhati-hati memastikan pematuhan ketat terhadap langkah-langkah pencegahan yang diperkenalkan oleh Kementerian Kesihatan termasuk penjarakan sosial dan fizikal.

Semasa menjalani aktiviti amal ini, hanya dua kakitangan setiap isi rumah yang ditugaskan untuk menyerahkan kepada keluarga masing-masing yang dilawati.

Ketua Pegawai Pemasaran BIBD, Dayang Hajah Nurul Akmar binti Haji Md. Jaafar mengulas, "Alhamdulillah, kami merasa sangat gembira menyambut bulan suci Ramadan dengan kesinambungan usaha amal tahunan kami. BIBD Sirah Amal menyediakan platform yang sangat baik untuk kita berkongsi berkat, terutama dengan mereka yang kurang bernasib baik, agar mereka dapat menikmati bulan perayaan dengan orang tersayang dengan lebih baik".

Kempen Pembersihan terus dilaksanakan



KERJA-KERJA pembersihan Premis Pasar, Gerai dan Tamu bagi Daerah Belait dilakukan oleh Jabatan Daerah Belait, Jabatan Bandaran Belait dan sukarelawan belia daerah tersebut.

Berita dan Foto : Noraisah Haji Muhammed

BELAIT, Rabu, 22 April. - Para peniaga pasar, gerai dan tamu dinasihatkan agar memberikan kerjasama juga mengikut arahan yang diberikan dalam memastikan Kempen Pembersihan dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Sehubungan itu, ke arah mempertingkatkan lagi langkah-langkah membendung penularan wabak COVID-19 di Negara Brunei Darussalam dan demi kesejahteraan juga keselamatan orang awam berpandukan kepada nasihat Kementerian Kesihatan; Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) melalui Jabatan-jabatan Bandaran dan Jabatan - jabatan Daerah mengadakan Kempen Pembersihan Premis Pasar, Gerai dan Tamu di Seluruh Negara bermula 15 April 2020.

Kempen yang diadakan di seluruh negara itu melibatkan semua pasar, gerai dan tamu di bawah kawalan Jabatan-jabatan

Daerah dan Jabatan-jabatan Bandaran di semua daerah.

Kempen Pembersihan itu dianjurkan bersama oleh Jabatan-jabatan Daerah dan Jabatan-jabatan Bandaran dengan penglibatan daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat, Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan juga para sukarelawan.

Kempen berkenaan merupakan inisiatif KHEDN dalam memastikan persekitaran yang bersih dan selamat.

Pelita Brunei berkesempatan menemu bual Penolong Pegawai Perhubungan Sukarelawan Belia Daerah Belait, Awang Haji Abdul Afiq bin Zainuddin yang menyambut baik kempen seumpama itu dan amat bagus untuk disertai memandangkan ia merupakan salah satu inisiatif dalam sama-sama membendung penularan wabak COVID-19, di samping kekal menjaga kebersihan.

Beliau menyentuh, dengan penglibatan belia dalam



PENOLONG Pegawai Perhubungan Sukarelawan Belia Daerah Belait, Awang Haji Abdul Afiq bin Zainuddin ketika ditemu bual.

sama-sama menjayakan kempen tersebut sebagai menyahut seruan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam agar belia-belia terlibat aktif juga membantu pihak kerajaan dalam apa-apa jua perkara.

Beliau turut menyarankan agar orang ramai akan sentiasa menjaga kebersihan diri dan sentiasa mengamalkan penjarakan sosial, di samping mematuhi garis panduan daripada pihak Kementerian Kesihatan bagi membantu memutuskan rangkaian wabak COVID-19.

Kementerian Kesihatan juga menyeru seluruh masyarakat di negara ini agar mengamalkan penjagaan kebersihan sepanjang masa sebagai sandaran mengapa kempen seumpama itu dilaksanakan.

Hadir sama pada kempen berkenaan, Pemangku Pengerusi Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Setia, Awang Haji Azmi bin Haji Abd. Rahim dan Pesuruhjaya Persekutuan Pengakap, Awang Janaidi bin Haji Gunong.

BIBD lancar inisiatif 'Community for Ramadan'



Siaran Akhbar dan Infografik : Bank Islam Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 April. - Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) sukacita memperkenalkan inisiatif terbaharunya dengan pelancaran 'Community for Ramadan'.

Program tersebut bertujuan untuk menyediakan Gerai Ramadan *virtual*, yang membolehkan orang ramai membeli makanan dan minuman daripada pelbagai vendor yang akan dihantar terus kepada pembeli.

Pendaftaran untuk vendor dibukakan pada 20 April 2020 dan pada masa ini, terdapat lebih daripada 50 vendor berdaftar, di mana ia dijangka akan meningkat.

Antara vendor yang termasuk dalam 'Community for Ramadan' adalah para Pengusaha BIBD SEED bersama Muafpreneurs, termasuk pelbagai vendor yang biasanya menyertai Gerai Ramadan anjuran Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) bersama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Para pelanggan akan dapat membuat pesanan mereka melalui laman sesawang www.communityforbrunei.com mulai 23 April 2020, di mana pesanan yang diterima selewat-lewatnya jam 6.00 petang dijadualkan untuk dihantar oleh GoMamam pada hari berikutnya.

Manakala sebarang pesanan yang diterima selepas jam 6.00 petang akan dihantar dalam masa 48 jam.

Ketua Pegawai Pemasaran BIBD, Dayang Hajah Nurul Akmar binti Haji Mohd. Jaafar, berkata, "Idea di sebalik

'Community for Ramadan' adalah untuk membolehkan warga Brunei mengekalkan suasana Gerai Ramadan dalam talian. Memandangkan COVID-19, kami berharap dapat membawa pelbagai vendor dan pelanggan bersamasama dalam pasar *virtual* sebagai gantinya. Pelanggan dapat melakukan perkhidmatan pembayaran yang selamat dan terjamin, di mana makanan mereka untuk bersungkaikan akan dihantar terus ke rumah mereka".

Tambahnya lagi, "Bagi vendor, cara ini memberikan kesempatan kepada mereka untuk mengaktifkan perniagaan mereka secara digital semasa wabak. Tidak ada caj pendaftaran untuk vendor yang menggunakan platform ini hingga 16 Julai 2020. Bagi perusahaan mikro dan kecil, mereka tidak perlu bimbang tentang transaksi tunai atau sumber penghantaran syarikat kerana unsur-unsur ini sudah termasuk dalam komuniti untuk ekosistem Brunei. Idea ini adalah untuk membolehkan perniagaan kecil menjalankan perniagaan mereka dalam talian dan bertahan pada masa yang mencabar ini".

Vendor yang ingin mendaftar boleh menghubungi BIBD melalui e-mel di cmo@bibd.com.bn setelah membuat pendaftaran 16 / 17, pembukaan akaun MSME dan pendaftaran QuickPay.

Orang ramai juga boleh melayari www.communityforbrunei.com atau melayari Instagram [@communityforbrunei](https://www.instagram.com/communityforbrunei).



IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI
www.recruitment.gov.bn

PERATURAN 38(A) BILANGAN IKLAN 27/2020 (SPA/BIKL)

Khusus bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

TARIKH IKLAN: 25 APRIL 2020
TARIKH TUTUP: 30 MEI 2020

**1. PEGAWAI PENTADBIR KANAN /
PEGAWAI PENTADBIR TINGKAT KHAS
KUMPULAN 2 / B.3
BAHAGIAN I / II
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI
KEKOSONGAN = EMPAT (04)
2020/0016/06**

UNTUK MENGETAHUI MENGENAI:

Syarat-Syarat Am, Tatacara Permohonan dan juga lain-lain maklumat sila kunjungi ruangan *Quicklinks* dan FAQ's di www.recruitment.gov.bn

Sebarang pertanyaan mengenai keputusan-keputusan *shortlisting*, hal ehwal ujian dan temu duga hendaklah menghadapkan ke Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam melalui e-mel query@spa.gov.bn



KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN

KENYATAAN TAWARAN

BILANGAN TAWARAN :
08 / APR / 2020 / KKBS / PJK /
16.14 (18)

TAJUK TAWARAN :
KONTRAK PEMELIHARAAN
PENGKAL (24 BULAN) BAGI
KERJA-KERJA PEMBERSIHAN
DAN PEMELIHARAAN
BANGUNAN DI KEMENTERIAN
KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN
(BANGUNAN, LETAK KERETA,
JALAN RAYA DAN KAWASAN)
DI SIMPANG 336-17,
JALAN KEBANGSAAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**TARIKH TERAKHIR
MENGAMBIL DOKUMEN
TAWARAN :**
SABTU, 2 MEI 2020
JAM 11.00 PAGI



JABATAN PERBENDAHARAAN
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN
EKONOMI

PEMBERITAHUAN
SEBUT HARGA

Bilangan Sebut Harga :
JPKK / JKSH2021-QTN.01 / ADM

Tajuk Sebut Harga :
MEMBEKALKAN
PELBAGAI
BARANG CETAK BAGI
JABATAN PERBENDAHARAAN

Tarikh tutup / jam :
9 MEI 2020,
SABTU,
JAM 9.00 PAGI



BILANGAN SEBUT HARGA
KP / JSS / UPP / JKSH / SR (ELEK) /
01 / 2020-2021

KETERANGAN :
SEBUT HARGA UNTUK MEMBEKAL,
MENGHANTAR, MEMASANG DAN
MENGUJI PERALATAN 'PHOTOCOPY
MACHINE' DAN 'DUPLICATING
MACHINE' UNTUK SEKOLAH
RENDAH KERAJAAN, JABATAN
SEKOLAH-SEKOLAH,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BAGI TAHUN KEWANGAN
2020 / 2021

**BAYARAN YURAN / DOKUMEN
SEBUT HARGA :**
BND5.00
[bayaran dokumen sebut harga
tidak dikembalikan]

JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN

BILANGAN SEBUT HARGA :
KP / JSS / UPP / JKSH / SM (ELEK) /
01 / 2020-2021

KETERANGAN :
SEBUT HARGA UNTUK MEMBEKAL,
MENGHANTAR, MEMASANG DAN
MENGUJI PERALATAN 'PHOTOCOPY
MACHINE' DAN 'DUPLICATING
MACHINE' UNTUK PUSAT
TINGKATAN ENAM / MAKTAB /
SEKOLAH MENENGAH KERAJAAN,
JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BAGI TAHUN KEWANGAN 2020 / 2021

**BAYARAN YURAN / DOKUMEN
SEBUT HARGA :**
BND5.00
[bayaran dokumen sebut harga
tidak dikembalikan]

Tarikh tutup :
RABU, 6 MEI 2020
TIDAK LEWAT JAM 10.00 PAGI





**JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**JABATAN KASTAM
DAN EKSAIS DIRAJA
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM**

1. TAWARAN KASTAM 05 / 2020
BAGI MEMBEKAL PERALATAN
PAKAIAN SERAGAM JABATAN
KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

2. TAWARAN KASTAM 06 / 2020
MEMBEKAL STOKIN UNTUK
LELAKI JABATAN KASTAM
DAN EKSAIS DIRAJA
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM

3. TAWARAN KASTAM 07 / 2020
MEMBEKAL SARUNG KAKI
UNTUK WANITA
JABATAN KASTAM
DAN EKSAIS DIRAJA
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM

4. TAWARAN KASTAM 08 / 2020
MEMBEKAL KASUT UNTUK
PEGAWAI KANAN
LELAKI JABATAN KASTAM
DAN EKSAIS DIRAJA
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM

5. TAWARAN KASTAM 09 / 2020
MEMBEKAL KASUT UNTUK
PEGAWAI BIASA
LELAKI JABATAN KASTAM

**DAN EKSAIS DIRAJA
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM**

6. TAWARAN KASTAM 10 / 2020
MEMBEKAL KASUT UNTUK
PEGAWAI KANAN
WANITA JABATAN KASTAM
DAN EKSAIS DIRAJA
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM

7. TAWARAN KASTAM 11 / 2020
MEMBEKAL KASUT UNTUK
PEGAWAI BIASA WANITA
JABATAN KASTAM
DAN EKSAIS DIRAJA
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM

8. TAWARAN KASTAM 12 / 2020
MEMBEKAL KASUT UNTUK STAF
BANTU LELAKI JABATAN
KASTAM DAN EKSAIS
DIRAJA NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM

9. TAWARAN KASTAM 13 / 2020
MEMBEKAL KASUT UNTUK STAF
BANTU WANITA JABATAN
KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM

10. TAWARAN KASTAM 14 / 2020
MEMBEKAL PAKAIAN SERAGAM
PEGAWAI-PEGAWAI DAN
KAKITANGAN JABATAN KASTAM

**DAN EKSAIS DIRAJA
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM**

11. TAWARAN KASTAM 15 / 2020
MEMBEKAL PAKAIAN SERAGAM
'STK' PEGAWAI-PEGAWAI
JABATAN KASTAM
DAN EKSAIS DIRAJA
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM

TARIKH TUTUP :
SELASA, 28 APRIL 2020
JAM : 2.00 PETANG



**JABATAN PERCETAKAN NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI**

TAWARAN PEMBEKALAN
KERTAS 80 GSM WOODFREE
(WHITE) - SHEETFED KE
JABATAN PERCETAKAN
KERAJAAN, JABATAN
PERDANA MENTERI,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BILANGAN TAWARAN :
GP / KORP / STI / 2-2020 / 002

KETERANGAN BARANG :
1. WOODFREE
(WHITE) - SHEETFED
TEBAL : 80 GSM
UKURAN : 635 mm X 902 mm
PEMBUNGKUSAN :
500 KEPING / REAM
KUANTITI : 5,000 REAMS

TARIKH TUTUP MENGHANTAR

TAWARAN PADA :
SELASA, 12 MEI 2020,
JAM 2.00 PETANG



**KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

MAKLUMAN
RENOVATION WORK TO
OFFICE KEWANGAN AT
KOLEJ
UNIVERSITI PERGURUAN
UGAMA SERI BEGAWAN
KM 2 JALAN RAJA
ISTERI PENGIRAN ANAK
SALEHA BANDAR SERI
BEGAWAN (2020-2021)

TARIKH AKHIR MENGAMBIL
BORANG TAWARAN :
ISNIN,
27 APRIL 2020,
JAM 10.00 PAGI



**JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

KETERANGAN PROJEK :
THREE (3) YEARS TERM
CONTRACT FOR GRASS
CUTTING IN KUALA BELAIT
AND SERIA MUNICIPAL AREA

Dibukakan kepada pemborong-
pemborong yang berdaftar dengan
Kementerian Pembangunan
Negara Brunei Darussalam

BILANGAN TAWARAN :
BBS / TOC / GCKbsma / 2020 - 2023

TARIKH TUTUP :
SELASA, 12 MEI 2020



UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

PEMOHON-pemohon terdiri dari rakyat
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri
Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara
Brunei Darussalam :

Jawatan : PUSTAKAWAN
Tangga Gaji : UB.1 EB.2
(BND2,450.00 - BND4,240.00)
Kekosongan : 1 Orang

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN :

- Mempunyai pengetahuan tentang keragaman Ugama Islam, Adat Istiadat Negara, Adat Resam dan Kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan Perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik Negara Brunei Darussalam.
- Mempunyai Ijazah Sarjana Muda dalam bidang perpustakaan atau bidang bersesuaian yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

- Mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah kelebihan.
- Berkebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik.
- Pegawai yang sedang berkhidmat dengan kerajaan mestilah mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap yang SANGAT BAIK bagi tempoh tiga tahun kebelakangan. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap CEMERLANG dan mendapat sokongan yang kuat dari Setiausaha Tetap atau Ketua Jabatan adalah kelebihan.

- TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB :**
- Bertanggungjawab kepada Ketua Bahagian.
 - Mengetua dan mentadbir cawangan-cawangan di bawah tanggungjawabnya.
 - Merancang, meneliti semula dan menilai projek bahagian dengan mengambil kira perkembangan teknologi maklumat (IT) dan

membuat laporan mengenainya.

- Menyelia dan melatih kakitangan bahagian, termasuk mengawasi disiplin serta prestasi kerja kakitangan bawahan.
- Terlibat secara langsung dalam penyelidikan mengenai perkembangan perkhidmatan perpustakaan dan menghasilkan penulisan.

**MENGHADAPKAN BORANG
PERMOHONAN**

- Pemohon-pemohon hendaklah melengkapkan permohonan melalui pautan ini : <https://bit.ly/PustakawanApr20>
- Melengkapkan Borang P1 serta keterangan lanjut boleh diperoleh di Bahagian Pentadbiran, Universiti Brunei Darussalam, Negara Brunei Darussalam atau boleh memuat turun Borang P1 di laman <https://bit.ly/BorangP1>

Borang-borang permohonan yang telah diisikan dengan lengkap berserta dengan salinan sijil-sijil dan dokumen yang berkenaan hendaklah dikembalikan ke alamat berikut tidak lewat pada Khamis, 7 Mei 2020.

**PENDAFTAR & SETIAUSAHA
UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM**

**JALAN TUNGKU LINK
GADONG, BE1410
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
(UP: BAHAGIAN PENTADBIRAN)
ATAU
E-MEL : UBDRECRUITMENT.UNIT@GMAIL.COM**

Bagi pemohon-pemohon yang terdiri daripada pegawai yang sedang berkhidmat dengan kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan tersebut dokumen-dokumen yang telah lengkap seperti berikut :

- SATU LAPORAN SULIT
- SALINAN PRESTASI BAGI TEMPOH 3 TAHUN KEBELAKANGAN (SEKURANG-KURANGNYA SANGAT BAIK)
- SATU SALINAN REKOD PERKHIDMATAN YANG TELAH DIKEMASKINIKAN.

Hanya pemohon-pemohon yang disenarai pendek (*shortlisted*) sahaja akan dihubungi bagi urusan temu duga.



**MAHKAMAH TINGGI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**DI DALAM MAHKAMAH TINGGI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
DI BANDAR SERI BEGAWAN**

KES NO. BCY / CP / 10 / 2019

**BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM
BERHAD**
- Pemiutang / Pemetisyon

**SOFIAN BIN SULAIMAN
(BYIC No. 00-289501)**
- Penghutang / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 11 Julai 2019.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemiutang-pemiutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 1, Bilik (R1-4) Mahkamah Besar** pada **2 Jun 2020, jam 2.00 Petang**.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **2 Jun 2020, jam 2.00 Petang** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pemiutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegagalannya.

Bertarikh : 25 Mac 2020

KES NO. BCY / CP / 2 / 2019

**BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM
BERHAD**
- Pemiutang / Pemetisyon

**HAJI DAUD BIN HAJI MUMIN
@ HAJI MOMIN
(BYIC No. 00-045096)**
- Penghutang / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 31 Oktober 2019.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemiutang-pemiutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 1, Bilik (R1-4) Mahkamah Besar** pada **4 Jun 2020, jam 2.30 Petang**.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **4 Jun 2020, jam 2.30 Petang** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pemiutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegagalannya.

Bertarikh : 28 Mac 2020

KES NO. BCY / CP / 98 / 2019

**BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM
BERHAD**
- Pemiutang / Pemetisyon

**MD. AMIEE AMARUL AZEMI
BIN ALIDIN
(BYIC No. 00-307027)**

- Penghutang / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 10 Oktober 2019.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemiutang-pemiutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 1, Bilik (R1-4) Mahkamah Besar** pada **4 Jun 2020, jam 10.30 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **4 Jun 2020, jam 10.30 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pemiutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegagalannya.

Bertarikh : 28 Mac 2020

KES NO. BCY / CP / 106 / 2019

**BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM
BERHAD**
- Pemiutang / Pemetisyon

**MOHAMMAD IZWAN AZRI BIN GARIP
(BYIC No. 00-318423)**
- Penghutang / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 10 Oktober 2019.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemiutang-pemiutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 1, Bilik (R1-4) Mahkamah Besar** pada **4 Jun 2020, jam 10.00 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **4 Jun 2020, jam 10.00 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pemiutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegagalannya.

Bertarikh : 28 Mac 2020

KES NO. BCY / CP / 523 / 2019

**PERBADANAN TABUNG AMANAH
ISLAM BRUNEI**
- Pemiutang / Pemetisyon

**MOHAMAD NORHASMI
BIN HAJI JAMIL
(ABDB IC No. 293204)**
- Penghutang / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 18 Januari 2020.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemiutang-pemiutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat

Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 1, Bilik (R1-4) Mahkamah Besar** pada **4 Jun 2020, jam 3.00 Petang**.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **4 Jun 2020, jam 3.00 Petang** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pemiutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegagalannya.

Bertarikh : 28 Mac 2020

KES NO. BCY / CP / 413 / 2016

**BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM
BERHAD**
- Pemiutang / Pemetisyon

**HJ. ABDUL MOMIN
BIN POKLDSS HJ. MD. TAHA
(BYIC No. 00-289739)**
- Penghutang / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 26 Mei 2018.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemiutang-pemiutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 1, Bilik (R1-4) Mahkamah Besar** pada **4 Jun 2020, jam 9.30 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **4 Jun 2020, jam 9.30 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pemiutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegagalannya.

Bertarikh : 28 Mac 2020

KES NO. BCY / CP / 330 / 2019

**PERBADANAN TABUNG AMANAH
ISLAM BRUNEI**
- Pemiutang / Pemetisyon

**RAUDA BAHRUN
BIN MALIK SHAHRIN
(BYIC No. 00-284912)**
- Penghutang / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 12 Mac 2020.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemiutang-pemiutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 1, Bilik (R1-4) Mahkamah Besar** pada **4 Jun 2020, jam 3.30 Petang**.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **4 Jun 2020, jam 3.30 Petang** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pemiutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegagalannya.

Bertarikh : 28 Mac 2020

KES NO. BCY / CP / 250 / 2019

**BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM
BERHAD**
- Pemiutang / Pemetisyon

**MUHAMMAD BAKRI
BIN ABDULLAH JILANI
(BYIC No. 00-267421 /
POLICE ID No. 3740)**
- Penghutang / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 5 Mac 2020.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemiutang-pemiutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 1, Bilik (R1-4) Mahkamah Besar** pada **4 Jun 2020, jam 9.00 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **4 Jun 2020, jam 9.00 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pemiutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegagalannya.

Bertarikh : 28 Mac 2020

KES NO. BCY / CP / 202 / 2019

**BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM
BERHAD**
- Pemiutang / Pemetisyon

**RAZI ASPILAH
BIN JABAT @ ZOOLAMALI
(BYIC No. 00-302647)**
- Penghutang / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 24 Oktober 2019.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemiutang-pemiutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 1, Bilik (R1-4) Mahkamah Besar** pada **4 Jun 2020, jam 2.00 Petang**.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **4 Jun 2020, jam 2.00 Petang** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pemiutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegagalannya.

Bertarikh : 28 Mac 2020

**NUR ELEANA
BINTI DP HAJI HAIROL ARNI**
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

NASIHAT BAGI PENGHIDAP PENYAKIT KRONIK SEMASA WABAK COVID-19



- Patuhi pengambilan ubat awda seperti yang diarahkan.
- Pastikan awda mempunyai bekalan ubat-ubatan yang mencukupi. Sekiranya awda memerlukan penghantaran ubat, awda boleh menggunakan Go Rush Brunei.

GORUSH



- Patuhi nasihat doktor untuk mengawal penyakit awda.
- Terus menjaga kesihatan awda dengan mengamalkan gaya hidup sihat.
- Jika awda mempunyai temujanji di hospital atau pusat kesihatan, sila pastikan awda mengesahkannya dan menghadiri temujanji tersebut. Sila pastikan awda menjalani rawatan (seperti dialisis atau kemoterapi) yang telah diarahkan.
- Pastikan telah mendapatkan suntikan vaksin terkini, jika perlu.



- Elakkan mendampingi mereka yang sakit. Jika penjaga awda kurang sihat, digalakkan untuk menjauhkan diri daripada awda dan mendapatkan ahli keluarga atau rakan lain untuk membantu awda.
- Sentiasa mencuci tangan dengan menggunakan sabun dan air atau gel pembersih tangan beralkohol (*Hand sanitiser*).
- Amalkan etika batuk atau bersin.
- Gunakan pembasmi kuman untuk membersihkan permukaan dan barangan di rumah.



- Hadkan perhimpunan sosial. Jangan luangkan masa yang terlalu lama di tempat yang sesak.
- Hadkan pelawat kepada orang yang sihat sahaja dan amalkan penjarakan sosial / fizikal.

Pesakit yang menghidapi penyakit-penyakit kronik seperti berikut adalah kumpulan yang lebih berisiko untuk dijangkiti COVID-19:

- ✦ Penyakit Jantung ✦ Tekanan Darah Tinggi ✦ Strok ✦ Kanser ✦ Diabetis ✦ Perokok
- ✦ Penyakit Hati Kronik ✦ Penyakit Kronik Paru-Paru (*termasuk Asma, Emfisema atau Bronkitis*)
- ✦ Penyakit Buah Pinggang Kronik ✦ Penyakit Neurologi Kronik ✦ Obesiti dengan BMI 40 atau lebih
- ✦ Mereka yang mempunyai sistem daya tahan badan yang lemah akibat penyakit seperti AIDS atau penggunaan ubat steroid berpanjangan atau kemoterapi

Untuk sebarang maklumat dan pertanyaan, sila hubungi
TALIAN NASIHAT KESIHATAN (HAL) 148.

Perubahan waktu operasi

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 April. - Kementerian Kesihatan melalui Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dengan ini memaklumkan kepada orang ramai mengenai dengan pertukaran waktu beroperasi bagi perkhidmatan kesihatan di pusat-pusat dan klinik-klinik kesihatan yang di bawah kawalan jabatan tersebut di sepanjang bulan Ramadan 1441H bersamaan 2020M, seperti yang dinyatakan pada rajah-rajah berkenaan.

1. DAERAH BRUNEI-MUARA			
1.1 Pusat Kesihatan Berakas			
Hari	Waktu Beroperasi	Tadahan	Perkhidmatan
Isnin hingga Khamis dan Sabtu (kecuali Hari Kelepasan Awam)	8.00 pagi hingga 2.00 petang	Bagi penduduk di bawah tadahan: 1. Pusat Kesihatan Berakas 2. Pusat Kesihatan PAPHMWHB Gadong 3. Pusat Kesihatan Muara	Rawatan bagi gejala demam, batuk, selsema, masalah pernafasan dan sebagainya yang lazimnya mendapatkan perkhidmatan di Klinik Flu
	7.30 malam hingga 10.00 malam	Terbuka kepada semua	Klinik Flu dan Umum
Jumaat, Ahad dan Hari Kelepasan Awam	2.00 petang hingga 4.00 petang 7.30 malam hingga 10.00 malam	Terbuka kepada semua	Klinik Flu dan Umum
1.2 Pusat Kesihatan Pengkalan Batu			
Isnin hingga Khamis dan Sabtu (kecuali Hari Kelepasan Awam)	8.00 pagi hingga 2.00 petang	Bagi penduduk di bawah tadahan: 1. Pusat Kesihatan Pengkalan Batu 2. Pusat Kesihatan Jubli Perak Sengkurong 3. Pusat Kesihatan Jubli Emas Bunut 4. Pusat Kesihatan PAPHRSB, Sg Asam	Rawatan bagi gejala demam, batuk, selsema, masalah pernafasan dan sebagainya yang lazimnya mendapatkan perkhidmatan di Klinik Flu
1.3 Pusat Kesihatan Pengiran Anak Puteri Hajah Muta-Wakillah Hayatul Bolkiah (PAPHMWHB) Gadong			
Isnin hingga Khamis dan Sabtu (kecuali Hari Kelepasan Awam)	8.00 pagi hingga 2.00 petang	1. Pusat Kesihatan PAPHMWHB Gadong 2. Pusat Kesihatan Berakas – bagi Klinik Umum dan Klinik Penyakit Kronik	Klinik Umum, Klinik Penyakit Kronik, Klinik Ibu dan Anak* *Klinik Ibu dan Anak bagi penduduk di bawah tadahan Pusat Kesihatan Berakas ialah di: Tingkat 5, Blok 2G, Kondominium Ong Sum Ping
1.4 Pusat Kesihatan Jubli Perak Sengkurong			
Isnin hingga Khamis dan Sabtu (kecuali Hari Kelepasan Awam)	8.00 pagi hingga 2.00 petang	1. Pusat Kesihatan Jubli Perak Sengkurong 2. Pusat Kesihatan Pengkalan Batu – bagi Klinik Ibu dan Anak sahaja**	Klinik Umum, Klinik Penyakit Kronik, Klinik Ibu dan Anak** ***Termasuk tadahan Klinik Ibu dan Anak dari Pusat Kesihatan Pengkalan Batu.
1.5 Pusat Kesihatan Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatull Bolkiah, Sungai Asam			
Isnin hingga Khamis dan Sabtu (kecuali Hari Kelepasan Awam)	8.00 pagi hingga 2.00 petang	1. Pusat Kesihatan PAPHRSB Sg Asam 2. Pusat Kesihatan Pengkalan Batu – bagi Klinik Umum dan Klinik Penyakit Kronik Sahaja*	Klinik Umum*, Klinik Penyakit Kronik*, Klinik Ibu dan Anak *Termasuk bagi tadahan dari Pusat Kesihatan Pengkalan Batu.
1.6 Pusat-Pusat Kesihatan dan Klinik-Klinik Kesihatan Yang Lain di Daerah Brunei-Muara			
Isnin hingga Khamis dan Sabtu (kecuali Hari Kelepasan Awam)	8.00 pagi hingga 2.00 petang	Mengikut tadahan masing-masing	Klinik Umum, Klinik Penyakit Kronik, Klinik Ibu dan Anak
2. DAERAH BELAIT			
2.1 Pusat Kesihatan Sungai Liang			
Isnin hingga Khamis dan Sabtu	8.00 pagi hingga 2.00 petang	Bagi penduduk di bawah tadahan Pusat Kesihatan Sungai Liang sahaja	Semua
Jumaat, Ahad dan Hari Kelepasan Awam	2.00 petang hingga 5.00 petang 7.30 malam hingga 9.00 malam	Terbuka kepada semua	Klinik Flu & Umum
2.2 Pusat-Pusat Kesihatan dan Klinik-Klinik Kesihatan Yang Lain di Daerah Belait			
Isnin hingga Khamis dan Sabtu	8.00 pagi hingga 2.00 petang	Bagi penduduk di bawah tadahan pusat-pusat kesihatan masing-masing sahaja	Semua
3. DAERAH TUTONG			
3.1 Pusat-Pusat Kesihatan Di Daerah Tutong			
Isnin hingga Khamis dan Sabtu	8.00 pagi hingga 2.00 petang	Bagi penduduk di bawah tadahan pusat-pusat kesihatan masing-masing sahaja	Semua

COVID-19 tidak jejas suasana Ramadan



AWANG Mohammad Abdul Hafiz bin Haji Md. Deli.



AWANG Muhammad Faiz bin Haji Hambali dari Kampung Pangkalan Mau.

Mengenai penutupan bazar gerai Ramadan pada Ramadan kali ini yang disebabkan jangkitan wabak COVID-19, beliau berasa positif dengan adanya inisiatif 'Community for Brunei' yang dikelolakan oleh pihak kerajaan.

"Alhamdulillah, walaupun bazar akan ditutup nanti, namun kita masih lagi dapat menghayati Ramadan seperti kebiasaannya walaupun terdapat sedikit perbezaan daripada segi penjualan, iaitu secara virtual tersebut," jelasnya.

Awang Muhammad Faiz bin Haji Hambali yang tinggal di Pangkalan Mau juga turut bergembira dengan inisiatif kerajaan tersebut, antara lain bertujuan untuk menjaga kemaslahatan penduduk Negara Brunei Darussalam.

"Walaupun masjid-masjid, surau-sarau dan balai ibadat pada minggu pertama Ramadan kali ini ditutup kerana COVID-19, namun penduduk kitani akan masih dapat Sembahyang Sunat Tarawih di rumah bersama ahli keluarga," ujarnya.

Beliau, seterusnya berharap agar Negara Brunei Darussalam akan dibebaskan daripada jangkitan wabak COVID-19 dan keadaan kembali seperti asal.

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin

TUTONG, Rabu, 22 April. - Kebiasaannya, setiap kali menjelang 1 Ramadan, umat Islam di seluruh negara akan berpusu-pusu untuk membeli makanan berbuka puasa dengan pelbagai pilihan menu makanan, diikuti dengan Sembahyang Sunat Tarawih di masjid-masjid,

surau-sarau dan balai ibadat. Dengan ketibaan bulan Ramadan yang bakal menjelang, Awang Mohammad Abdul Hafiz bin Haji Md. Deli, 29 tahun semasa ditemu bual oleh Pelita Brunei menjelaskan, beliau sangat teruja dengan ketibaan bulan mulia tersebut.

"WALAUPUN masjid-masjid, surau-sarau dan balai ibadat pada minggu pertama Ramadan kali ini ditutup kerana COVID-19, namun penduduk kitani akan masih dapat Sembahyang Sunat Tarawih di rumah bersama ahli keluarga".

MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Rebutlah Ganjaran Menyemarakkan Ramadan'. Tarikh Tutup : 29 April 2020
- 'Utamakan Membaca Al-Quran Setiap Hari'. Tarikh Tutup : 6 Mei 2020
- 'Badan Sihat, Minda Cerdas'. Tarikh Tutup : 13 Mei 2020

TERMA DAN SYARAT :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

410 keluarga Mualaf terima bantuan keperluan harian

Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Hal
Ehwal Ugama



PENGARAH Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Md. Salleh (kanan) dan Penolong Pengarah PDI, Awang Abd. Aziz bin Haji Abd. Kahar (kanan) ketika menyampaikan bantuan untuk kesejahteraan mualaf secara serentak di dua buah tempat berasingan di Daerah Brunei dan Muara (kiri dan kanan).

mengungkayahkan kerja-kerja Brunei Darussalam. Bersebab 410 buah keluarga Mualaf, khususnya di Negara Mualaf yang kurang



PULAIE, Rabu, 22 April. - Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Pusat Da'wah Islamiah (PDI) dengan kerjasama Persatuan Nurul Islam (PNI) meneruskan lagi acara berkebijakan melalui Projek Fathul Barakah 1.0.

Projek Fathul Barakah 1.0 adalah salah satu usaha dan inisiatif PDI dengan kerjasama PNI untuk memberi peluang kepada orang ramai untuk sama-sama memberikan Infaq Jariah berupa keperluan harian seperti makanan asasi untuk diberikan kepada Asnaf Mualaf di seluruh negara bagi menyambut Ramadan 1441 Hijrah.

Bantuan-bantuan yang diberikan juga bertujuan agar para Mualaf dapat melaksanakan ibadah puasa dengan selesa, di samping menjalani kehidupan seharian.

Antara lain tujuan Projek Fathul Barakah 1.0 ini dijalankan adalah untuk mengeratkan silaturahim di antara mualaf dengan PDI dalam sama-sama

berkemampuan di keempat-empat daerah menerima bantuan keperluan harian berupa makanan asasi hasil daripada sumbangan orang ramai melalui Projek Fathul Barakah yang diadakan selama dua hari, iaitu pada 11 dan 12 April 2020 yang lalu secara *drive thru*.

Penyampaian bantuan tersebut dijalankan secara serentak di dua buah tempat yang berasingan di Daerah Brunei dan Muara. Mengetuai rombongan bagi menyampaikan sumbangan tersebut ke rumah-rumah penerima berkenaan, Pengarah

PDI, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Md. Salleh dan Penolong Pengarah PDI, Awang Abd. Aziz bin Haji Abd. Kahar.

Manakala pada Sabtu yang lalu, 18 April 2020 yang bertempat di Bangunan Darul Huda, PDI diadakan Majlis Penyerahan Projek Fathul Barakah 1.0. Majlis penyerahan tersebut disempurnakan oleh Pengarah PDI kepada Ketua-ketua Unit Dakwah Daerah untuk diserahkan kepada para mualaf di daerah masing-masing. Turut hadir pada majlis tersebut, Penolong Pengarah PDI.

Catatan Misteri Mini Series kembali temui penonton

Siaran Akhbar : Hadiyul Production

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 April. - Tayangan Perdana Catatan Misteri Mini Series menerusi episod pertama berjudul 'Telekung Arwah' dirasmikan pelancarannya menerusi Rangkaian Pelangi, Radio Brunei.

Majlis Pelancaran dimulakan dengan wawancara oleh Juruhebah Pelangi FM, DJ Alif bersama Pengarah Catatan Misteri Mini Series, Awang Hanidi bin Haji Mahmud tersebut.

Pada penghujung wawancara, perasmian Tayangan Perdana Catatan Misteri Mini Series dirasmikan secara dalam talian oleh Awang Hanidi bin Haji

Mahmud.

Bergenrekan seram dan misteri adalah konsep bagi Mini Series tersebut. Ia adalah kesinambungan Drama Catatan Misteri yang dahulunya ditayangkan di Radio Televisyen Brunei (RTB) dan ia juga merupakan drama yang dinanti-nantikan oleh para penonton.

Penerbitan Catatan Misteri Mini Series ini adalah bertujuan untuk memberikan tontonan hiburan kepada orang ramai menerusi YouTube.

Dalam keadaan negara kita yang dilanda krisis wabak COVID-19 ini, ia juga bertujuan dapat menggalakkan orang ramai 'Teranah di Rumah'.

Matlamat bagi penerbitannya adalah untuk memberikan kesedaran serta pengajaran jika ada yang melakukan perkara syirik.

Pada setiap penghujungnya, akan ada diterangkan tentang kesalahan dan kesilapan yang dilalui oleh seseorang itu dan menjadikannya iktibar dan pedoman.

Antara barisan pelakon yang terlibat menjayakan Mini Series ini ialah terdiri daripada artis-artis tempatan.

Catatan Misteri Mini Series ini adalah rancangan yang akan ditayangkan melalui YouTube dan ia dibuat secara berepisod dan berkala.

Orang ramai bolehlah menyaksikannya melalui YouTube menerusi [link hadiyulproduction](#).



TAYANGAN Perdana Catatan Misteri Mini Series menerusi episod pertama berjudul 'Telekung Arwah' yang diarahkan oleh Awang Hanidi bin Haji Mahmud.

Nasihat untuk WARGA EMAS semasa jangkitan COVID-19

Etika Batuk & Bersin

- 1 Ketika hendak batuk atau bersin, palingkan muka abiskita daripada orang lain dan makanan yang berdekatan
- 2 Tutup mulut dan hidung abiskita dengan tisu
- 3 Segera buang bekas tisu ke dalam tong sampah yang bertutup
- 4 Elakkan menyentuh muka, hidung atau mulut abiskita
- 5 Cuci tangan dengan sabun dan air yang bersih selama 20 saat
- 6 Jika abiskita mengalami demam, batuk dan selsema - gunakan penutup mulut dan hidung untuk melindungi orang sekeliling

Bagi sebarang pertanyaan, sila hubungi Talian Nasihat Kesihatan 148

Perbetulkan niat, azam menjelang Ramadan

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

KUALA BELAIT, Rabu, 22 April. - Bulan Ramadan merupakan bulan yang sentiasa dinanti-nantikan oleh semua umat Islam di seluruh dunia kerana pada bulan ini, terdapatnya pelbagai kelebihan dan keberkatan yang dapat dimanfaatkan sepenuhnya.

Bulan yang penuh keberkatan dan kemuliaan juga menjanjikan peluang yang besar kepada umat Islam ini perlu dimanfaatkan, sekali gus mempertingkatkan lagi keimanan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Dalam menemпуhi bulan yang penuh keberkatan ini, umat Islam perlu mempersiapkan diri dengan membetulkan niat dan azam, sekali gus menunaikan tanggungjawab dengan berpuasa dan beramal ibadah kepada Allah.

Niat dan azam perlulah semata-mata untuk mengabdikan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan berazam untuk menjadikan bulan Ramadan sebagai bulan yang terbaik bagi diri kita untuk mempertingkatkan ibadah, berpuasa dan merebut peluang kebaikan yang ditawarkan pada bulan yang penuh kemuliaan ini.

Pengarah Pejabat Antarabangsa dan Perhubungan Awam, Kolej

Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Pengiran Siti Katijah binti Pengiran Sulaiman semasa ditemu bual mengenai azam Ramadan menjelaskan bahawa bulan Ramadan memang dinanti-nantikan setiap tahun kerana kita semua tahu bahawa banyak kelebihan yang dianugerahkan Allah Subhanahu Wata'ala dalam bulan ini.

"Walaupun tahun ini akan ada perbezaan, tetapi mudah-mudahan ia tidak mengurangkan, malah InsyaaAllah akan lebih menambahkan lagi kemeriahan kerana boleh fokus berpuasa dan beribadah, khususnya bersama keluarga di rumah, solat lima fardu, bersungai dan Solat Tarawih bersama keluarga, tidak terganggu dengan perkara-perkara lain, InsyaaAllah di sana kasih sayang berkeluarga akan lebih terasa dan lebih bermakna," tambahnya.

"Di sebalik isu wabak COVID-19 yang melanda ketika ini, kita akan lebih merendahkan diri, memohon ampun dan belas kasihan daripada Allah Subhanahu Wata'ala, lebih mendekati diri kepada-Nya dan sama-sama bermohon kepada Allah agar kita semua dilindungi dan dibersihkan

daripada segala dosa," jelasnya lagi.

Manakala Dayang Nur Fayhaa Maysuun binti Md. Farizal, 7 tahun dari Kuala Belait semasa ditemu bual Pelita Brunei menjelaskan bahawa azam bagi bulan Ramadan pada tahun ini adalah untuk berpuasa penuh selama sebulan dan mempertingkatkan keimanan di bulan ini.

Beliau juga berazam untuk membantu ibunya membuat persediaan bersahur dan sungkai juga berkeinginan untuk ikut menunaikan Solat Sunat Tarawih berjemaah bersama keluarganya nanti.



DAYANG Nur Fayhaa Maysuun binti Md. Farizal, 7 tahun dari Kuala Belait semasa ditemu bual.

Dayang Nur Fayhaa Maysuun turut menjelaskan bahawa, selain kita mempertingkatkan amalan untuk meraih ganjaran pahala yang berlipat kali ganda pada bulan Ramadan ini, kita juga akan dapat



PENGARAH Pejabat Antarabangsa dan Perhubungan Awam, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Pengiran Siti Katijah binti Pengiran Sulaiman semasa ditemu bual.

mengeratkan lagi hubungan keluarga dan silaturahmi sesama mukmin.

Patuhi arahan penjarakan sosial!



KETIKA penularan jangkitan wabak COVID-19 menjadi kebimbangan orang ramai, antara perkara yang perlu diberikan perhatian, iaitu sungkup muka (*face mask*) dan penjarakan sosial.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 April. - Orang ramai bukan sahaja perlu mematuhi nasihat untuk 'duduk di rumah', tetapi juga aspek penjarakan sosial, terutamanya ketika berada di tempat terbuka, seperti pasar awam, pasar raya, tempat-tempat riadah, di mana ia adalah penting bagi sama-sama mengekang penularan wabak COVID-19 di negara ini.

Sebagai rakyat di negara ini, kita semua perlu lebih serius

mendisiplinkan diri dan mematuhi setiap arahan agar membantu kerajaan menghentikan atau memutuskan sama sekali rantaian jangkitan atau penularan wabak COVID-19 daripada berpanjangan.

Jika tiada keperluan, seperti bekerja, keluar membeli barangan dapur dan keperluan seharian, orang ramai dinasihatkan agar berada di rumah sahaja kerana setiap pihak memainkan peranan masing-masing dalam



ORANG ramai perlu mematuhi penjarakan sosial walaupun ketika melakukan aktiviti riadah.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

membendung jangkitan wabak ini.

Ketika penularan jangkitan wabak COVID-19 menjadi kebimbangan orang ramai, satu perkara yang perlu diberikan perhatian adalah berkenaan sungkup muka (*face mask*).

Sila gunakan sungkup muka sekiranya berasa kurang sihat dan elakkan mengunjungi ke tempat-tempat awam.

Selain itu, orang ramai juga diingatkan berikutan dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan semasa 20 April lalu mengenai aktiviti di tempat-tempat awam, terutama di taman dan hutan rekreasi, pantai-pantai dan tasik-tasik.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar menjelaskan bahawa pihak Kementerian Kesihatan tidak ada halangan bagi orang ramai untuk mengunjungi tempat-tempat beriadah tersebut, akan tetapi orang ramai hendaklah mematuhi segala arahan-arahan dan nasihat pihak kerajaan.

Ia termasuklah mempraktikkan penjarakan sosial sekurang-kurangnya satu meter daripada orang sekeliling dan tidak membuat kegiatan secara berkumpulan ramai.

Orang ramai perlu melaksanakan tanggungjawab sosial masing-masing dan membudayakan langkah-langkah pencegahan, seperti tidak mengunjungi tempat-tempat beriadah jika berasa kurang sihat, mengelakkan daripada berkumpul atau melepak sebelum, semasa dan sesudah membuat kegiatan fizikal juga segera beredar setelah selesai, mengamalkan kebersihan diri dan persekitaran juga mengamalkan etika batuk dan bersin yang betul.

12 das tembakan meriam raikan kedatangan Ramadan

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 24 April. - Bulan Ramadan akan mula memasuki kiraan bagi Tahun 1441 Hijrah sejurus Azan Sembahyang Fardu Maghrib berkumandang sekitar jam 6.26 petang, berikutan hasil merukyah Anak Bulan Ramadan tidak kelihatan pada lewat petang Khamis kelmarin.

Seakan menjadi tradisi saban tahun, iaitu setiap kali menjelang Ramadan di negara ini, sebanyak 12 das tembakan meriam akan dilepaskan sebagai tanda bermulanya umat Islam berpuasa Ramadan pada keesokan harinya.

Pelepasan das tembakan meriam yang diadakan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin, di sini, disempurnakan oleh seramai 34 orang anggota Polis Tentera

Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, diketuai oleh 1244 Leftenan Dk. Siti Nurhamizah binti Pg. Binting.

Meskipun suasana Ramadan kali ini agak sedikit berbeza, namun apa yang penting, pengisian ibadah dan ketakwaan kita yang paling utama demi membentuk iman sejati dalam sanubari kita selaku seorang mukmin.

Selain itu, dalam kita sama-sama menyokong saranan kerajaan dalam membendung penularan jangkitan wabak COVID-19, kita jadikan juga inti pati bulan rahmat ini dengan amalan-amalan berkeabajikan sambil mengajak diri dan keluarga untuk mendekati diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala juga mengaut sebanyak ganjaran pahala pada bulan yang penuh keberkatan ini.

Apa Pendapat Biskita?

Sesuaikan, imbangi diri belajar, kerja sambilan

MEMPUNYAI kerja separuh masa mahupun sambilan bukanlah perkara asing bagi pelajar universiti pada masa kini. Rata-rata pelajar memilih untuk melakukan kerja sambilan kerana ingin mencari pendapatan sampingan bagi menampung perbelanjaan harian. Selain itu, bekerja separuh masa memberikan peluang kepada bakal graduan merasai pengalaman bekerja sebelum memasuki industri pekerjaan yang sebenar. Malahan ada yang melakukan kerja sambilan semata-mata ingin mengisi masa lapang.

Walaupun begitu, bekerja sambilan bagi pelajar mempunyai kebaikan dan keburukan yang seimbang. Apa Pendapat Biskita kali ini mendapatkan beberapa pandangan orang ramai mengenai 'kerja sambilan dan pelajar': keperluan atau tuntutan'.

"Sebab utama pelajar mahu bekerja sambilan ialah untuk menambah pendapatan. Justeru, pelajar memilih untuk bekerja sambilan bagi menampung perbelanjaan-perbelanjaan tambahan seperti yang dinyatakan. Selain menambah pendapatan, mencuba pengalaman baharu dan mengisi masa lapang adalah antara sebab lain pelajar memilih untuk bekerja sambilan. Kerja separuh masa melatih pelajar menjadi bakal graduan yang berdisiplin. Disiplin diri seperti pengurusan masa boleh diperbaiki dengan cara mengurus masa antara bekerja dan belajar pada masa yang sama.

Dengan perancangan masa yang betul, pelajar akan sedaya upaya menggunakan masa belajar dan bekerja dengan sebaiknya. Sebagai persediaan untuk menguruskan masa, pelajar perlulah mempunyai buku perancangan (*planner*) harian supaya pelajar tidak terlepas atau terlupa apa-apa tarikh atau perkara penting kerana kesibukan bekerja dan belajar. Bukan itu saja, bekerja sambilan boleh mengasah kemahiran amali pelajar seperti kemahiran komunikasi. Penguasaan bahasa Inggeris adalah salah satu aspek penting yang perlu ada dalam diri pelajar. Apabila bekerja, pelajar dapat bertutur dan berbulat dengan cara formal yang mana tidak diamalkan semasa sesi pembelajaran.

Tempoh masa bekerja ialah waktu latihan secara tidak langsung yang patut diambil oleh pelajar bagi membaiki kelemahan dalam bertutur bahasa Inggeris. Kemahiran seperti komunikasi ini perlu dilatih supaya menjadi amalan kebiasaan yang mana pelajar tidak akan teragak-agak ataupun dianggap anti sosial sekiranya tidak mempunyai kemahiran komunikasi yang baik semasa bekerja nanti. Bekerja sambilan juga membantu pelajar meluaskan jaringan perhubungan pelajar dengan industri.

Jaringan perhubungan pelajar bukan saja boleh diluaskan dengan pertemuan dalam sesuatu program saja, malah boleh dilakukan dengan melakukan kerja sambilan. Dengan bekerja separuh masa, pelajar mendedahkan diri kepada tokoh-tokoh mahupun orang yang berpengaruh dalam industri pilihan kelak". - **Ahmad Tarmizzi Haji Seruddin, Tungku.**

"Bagi pendapat saya, bekerja sambilan juga menyediakan bakal graduan ke arah senario kerja sebenar apabila melangkah ke dalam bidang pekerjaan. Umumnya sewaktu pembelajaran, apa yang dipelajari di universiti adalah lebih kepada teori dan mempunyai kekurangan dari aspek praktikal. Apabila terdedah kepada dunia sebenar, pelajar akan lebih mudah menyesuaikan diri dengan keadaan sekeliling yang baharu seterusnya membantu proses bekerja dengan lebih cepat lagi. Bekerja sambilan menyediakan pelajar mengenai perkara yang perlu dijangka dan tidak dijangka dalam industri pekerjaan.

Namun begitu, kerja sambilan turut memberi impak kepada diri pelajar. Pelajar yang sibuk mengejar wang boleh leka, justeru mengabaikan tanggungjawab sebagai pelajar. Umumnya kita tahu, kelas, nota, tugas dan peperiksaan adalah tanggungjawab yang perlu dijalankan sebagai seorang pelajar. Sekiranya pelajar melalaikan tanggungjawab ini maka pelajar berisiko untuk gagal dalam pelajaran, hasilnya boleh mempengaruhi masa depan pelajar sendiri. Tambahan, pelajar boleh mengalami stres akibat tidak pandai menguruskan masa dan diri semasa belajar dan bekerja. Tugas sebagai pelajar sudah cukup membebani sekiranya tidak pandai membahagikan masa antara belajar dan kerjaya.

Justeru, pelajar perlu mempunyai persediaan mental dan fizikal sebelum membuat keputusan untuk bekerja sambilan. Sekiranya dirasakan mampu untuk menggalas kedua-dua tanggungjawab ini dengan baik maka tiada risiko yang perlu ditanggung oleh pelajar. Namun sekiranya pelajar mempunyai masalah mengurus masa dengan baik, sebaiknya pertimbangkan dahulu sebelum memutuskan untuk membuat kerja sambilan". - **Zulfahmi bin Abdul Rakib, Tutong.**

"Sebagai bakal graduan, tidak salah mempersiapkan diri dengan kemahiran-kemahiran yang secukupnya tetapi pelajar perlu sedar akan kemampuan serta kekuatan dan kekurangan diri dalam mengimbangi antara belajar dan bekerja. Bak kata orang masa itu emas dan hidup ini hanya sekali. Jadi buatlah yang terbaik supaya tidak menyesal di kemudian hari. Kerja sambilan ini memberi satu pengajaran berguna kepada mereka yang masih belajar. Jangka masa yang pendek bersama-sama rakan sekerja dan majikan pasti meninggalkan pelbagai kesan yang menarik kerana mereka menyedari betapa kehidupan sosial memerlukan kemahiran tinggi terutama ketika di tempat kerja.

Jadi, pengalaman kerja sambilan menjadi alat untuk menjelaskan erti kehidupan sebenar kepada pelajar tersebut sebelum mereka benar-benar melaluinya. Mereka ini juga mampu membentuk personaliti yang menarik menerusi kerja sambilan ini. Tugas di tempat kerja membina jati diri yang baharu kerana kerja ini memerlukan mereka menepati masa, rajin bekerja, menurut arahan dan menggunakan minda ketika berinteraksi dengan pelanggan.

Jika yang dahulunya malas, tiada wawasan, tidak yakin diri dan sebagainya pasti berubah sebaik sahaja mereka bekerja secara sambilan ini. Namun, aspek impak negatifnya harus diberi pertimbangan sewajarnya. Kebanyakan mereka yang melibatkan diri dalam pekerjaan sambilan selain masih menuntut membuatkan mereka ini menjadi individu yang terlalu sibuk, mementingkan kewangan, lupa tugas belajar mereka dan mungkin terlalu angkuh sehingga menganggap mereka sudah mampu hidup sendiri tanpa bantuan keluarga.

Kerja sambilan sememangnya wajar dilakukan oleh mereka yang masih menuntut terutama sekali semasa bercuti pengajian tetapi harus secara bertanggungjawab, harus menimbang dengan mendalam sebelum menyertai kerja sambilan. Bukan sahaja kebenaran ibu bapa penting tetapi harus bertanya kepada diri sendiri. Adakah ini sesuatu yang ingin mereka lakukan? Atau mereka penuhkan masa cuti mereka dengan aktiviti berfaedah yang lain". - **Nurazrina Abd Mutalib, Bandar Seri Begawan.**

Biskita dialu-alukan menyumbangkan pendapat biskita dengan dua tajuk di bawah, sama ada menggunakan nama sebenar atau nama pena. Sila e-melkan pendapat biskita ke : pelita.brunei@information.gov.bn

i. Amalan Rasuah dan Langkah-Langkah Menanganinya.
ii. Kesan Pencemaran Kepada Manusia, Alam Sekitar.

Pendawaian hendaklah mengikut piawaian betul



KEBAKARAN kereta jenis Hyundai, dipercayai daripada penyambungan pendawaian yang longgar (*loose connection*) di bahagian lampu fog light sebelah kiri.

Siaran Akhbar : Jabatan Bomba dan Penyelamat

JERUDONG, Rabu, 22 April. - Seorang perempuan tempatan berjaya menyelamatkan diri daripada kebakaran kereta apabila kebakaran di bahagian *wiring fog light* sebelah kiri.

Kejadian yang berlaku pada 21 April lalu, di Stesen Minyak Marazmala, Jerudong itu berjaya dikendalikan oleh dua pekerja stesen minyak tersebut, iaitu Awang Mohammad Izzul Waie bin Abd. Hassan dan Awang Abdul

Hafiz bin Ramli dengan menggunakan dua alat pemadam api jenis Dry Powder 4kg.

Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) segera mengerahkan Balai Bomba Jerudong bersama 10 anggota, diketuai oleh DSO Haji Mohammad bin Haji Ibrahim selepas menerima panggilan kecemasan pada 6.55 petang.

Apabila sampai di tempat kejadian, kebakaran yang menimpa kereta jenis Hyundai Accent, berwarna putih itu berjaya

dipadamkan, namun begitu, anggota bertugas bersedia sedia dengan membawa sebihi alat pemadam api jenis Dry Powder 2.5kg.

Punca kebakaran dipercayai daripada penyambungan pendawaian yang longgar (*loose connection*) di bahagian lampu fog light sebelah kiri dan kerugian dianggarkan lebih kurang BND1,500.

Pihak JBP mengingatkan para pengguna agar sentiasa memastikan kenderaan dalam keadaan baik dan selamat secara keseluruhan sebelum digunakan, seperti memastikan kesemua sistem pendawaian dalam keadaan sempurna juga pastikan tidak ada sebarang kerosakan dan penyambungan hendaklah dalam keadaan kancang.

Mana-mana pengubahsuaian atau penambahan sistem elektrik enjin dan aksesori kereta juga pendawaian hendaklah dipastikan mengikut piawaian yang betul oleh mekanik yang bertauliah kerana arus elektrik kenderaan yang tinggi boleh menyebabkan kabel terbakar dan kebakaran.

Orang ramai juga dinasihatkan agar sentiasa mengamalkan sikap bertolak ansur sesama pengguna jalan raya lain bagi mengelakkan sebarang kemalangan.

Jika berlaku sebarang insiden kecemasan, hendaklah berhubung terus kepada pusat gerakan JBP melalui Talian Kecemasan JBP 995 dan memberikan maklumat yang tepat.

Mengaku bersalah



SUSPEK, Mohammad Amirul Alif bin Ali, 32 (kiri). Sementara gambar kanan, antara barang yang dicuri suspek.



Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

TUTONG, Rabu, 22 April. - Seorang warga tempatan hari ini dihadapkan ke Mahkamah Majistret, Bandar Seri Begawan kerana didapati terlibat dalam dua kerosakan penyiasatan berhubung jenayah curi.

Kes-kes tersebut melibatkan kehilangan barangan, seperti bateri kenderaan, bateri mudah alih, alat-alat perkakas sepada dan soket juga sangkar kayu bersama burungnya yang diletakkan di dalam garaj kereta dan luar rumah.

Kedua-dua kejadian tersebut berlaku di Kampung Telisai Danau dan Kampung Telisai, Daerah

Tutong. Hasil daripada siasatan yang diperoleh daripada rakaman kamera litar tertutup (CCTV) di rumah mangsa membantu siasatan sehingga tertangkapnya suspek bagi kes-kes tersebut.

Suspek, Mohammad Amirul Alif bin Ali, 32 tahun dan tidak memiliki sebarang pekerjaan.

Tertuduh mengaku bersalah atas pertuduhan di bawah seksyen 379 Kanun Hukuman Jenayah, iaitu curi dan pihak mahkamah memutuskan bagi tertuduh dijatuhkan hukuman penjara selama enam bulan di Penjara Maraburong bermula 22 April

2020. Sehubungan itu, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) mengalu-alukan sokongan yang ditunjukkan oleh masyarakat awam dalam membantu pihak Polis membasmi kegiatan jenayah di kawasan kampung setempat dengan menyalurkan maklumat yang membolehkan tindakan dibuat sewajarnya.

Oleh yang demikian, sesiapa yang mengetahui atau mempunyai maklumat mengenai sebarang aktiviti yang melanggar undang-undang disarankan supaya melaporkannya di Balai Polis terdekat atau hubungi Talian Kecemasan Polis 993 juga mengongsikan maklumat ke laman sesawang www.police.gov.bn dan Instagram [@upa.ppdb](https://www.instagram.com/upa.ppdb).

Semarakkan malam-malam Ramadan

ALHAMDULILLAH rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua umat Islam di seluruh dunia berpeluang bertemu lagi dengan bulan Ramadan, bulan penuh keberkatan. Ketika global kini berperang dengan wabak pembawa maut, COVID-19, peluang untuk bertemu dengan bulan Ramadan sememangnya satu rahmat dan kurnia daripada Allah Subhanahu Wata'ala kepada hamba-Nya agar sentiasa muhasabah diri dan membersihkan jiwa dengan meningkatkan ketakwaan kepada Tuhan pencipta alam.

Pada bulan Ramadan ini umat Islam diwajibkan untuk menunaikan ibadah puasa pada siang hari dengan menahan diri daripada segala sesuatu, seperti makan, minum, perbuatan buruk mahupun daripada yang membatalkan puasa mulai dari terbitnya fajar hingga terbenamnya matahari, disertai dengan niat kerana Allah Subhanahu Wata'ala, dengan syarat dan rukun tertentu. Pada malam-malam harinya pula umat Islam dituntut untuk memeriahkan dan menyemarakkan malam-malam Ramadan dengan memperbanyakkan ibadah, seperti menunaikan Sembahyang Sunat Tarawih, Witir, melakukan perbuatan-perbuatan yang mendekatkan diri kepada Allah, seperti solat, zikir, membaca Al-Quran dan sebagainya.

Ramadan adalah pemangkin dan penguat iman, pembersihan saluran jiwa yang selalunya tersekat oleh hasutan hawa nafsu yang dilakukan oleh musuh-musuh manusia, iaitu iblis terutama melalui makanan dan minuman. Sabda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang ertinya :

"Barang siapa yang berpuasa bulan Ramadan dan penuh iman dan semata-mata kerana Allah, maka akan diampunkan oleh Allah dosa-dosanya yang telah lalu". Riwayat Al-Bukhari dan Muslim.

Tarawih, Witir


Jika pada tahun-tahun sebelumnya, adalah sudah menjadi kelaziman pada malam-malam bulan Ramadan akan dimeriahkan dan dihidupkan dengan Sembahyang Sunat Tarawih secara berjemaah di masjid-masjid, surau-sarau dan balai-balai ibadat di seluruh negara. Namun, sebagai usaha untuk membendung penularan jangkitan wabak COVID-19 dan berpandukan hukum syarak mengenainya, maka Majlis Ugama Islam Brunei memutuskan supaya Sembahyang Sunat Tarawih berjemaah dan bertadarus Al-Quran diadakan di rumah masing-masing dalam kalangan keluarga sahaja serta hendaklah mematuhi garis

panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan 'Guidelines on Mass Gathering, Social Events, Meetings or Training Sessions'. Keputusan tersebut dibuat memandangkan penutupan sementara masjid, surau dan balai-balai ibadat seluruh negara yang telah berakhir pada waktu Isyak, 27 Syaaban 1441 Hijrah bersamaan 20 April 2020 Masihi telah dilanjutkan lagi selama satu minggu mulai Selasa, 27 Syaaban 1441H bersamaan 21 April 2020M hingga Isnin, 4 Ramadan 1441H bersamaan 27 April 2020M. Bagaimanapun penutupan sementara rumah-rumah Allah itu bukannya satu penghalang untuk umat Islam menghidupkan malam-malam pada bulan Ramadan dengan memperbanyakkan sembahyang sunat kerana iman dan mengharapkan ganjaran daripada Allah Subhanahu Wata'ala akan diampunkan dosa-dosanya yang telah lalu. Sebagaimana sabda Rasulullah

Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah Radiallahuanhu, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : *"Sesiapa yang berdiri (beribadah) pada malam Ramadan kerana iman dan mengharapkan ganjaran daripada Allah, diampunkan dosa-dosanya yang telah lalu".* (Riwayat Imam Bukhari).

Malam-malam Ramadan juga akan terasa meriahnya dengan melaksanakan Sembahyang Sunat Witir, Sembahyang Sunat Muaakad (sunat yang dituntut yang mengiringi sembahyang Sunat Tarawih walaupun Sembahyang Witir bukan hanya dikhususkan pada bulan Ramadan sahaja bahkan sunat didirikan pada setiap malam. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud :

"Daripada Ali bin Ali Talib, sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassallam bersabda : Sesungguhnya Allah



Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim
Foto : Azmah Haji Ahad

itu Tunggal, suka kepada yang ganjil, maka dirikan Sembahyang Witir wahai ahli Al-Quran (Wahai orang-orang yang beriman dengan Al-Quran)".

Memperbanyakkan Membaca Al-Quran

Bulan Ramadan merupakan bulan Al-Quran. Oleh itu, umat Islam disarankan agar memperbanyakkan membaca Al-Quran pada bulan Ramadan ini, bahkan bukan hanya pada malam-malam bulan Ramadan malahan pada setiap waktu sekurang-kurangnya satu juz setiap hari agar dapat khatam Al-Quran sekali dalam bulan Ramadan. Amalan membaca Al-Quran, iaitu bertadarus juga dapat menyemai rasa cinta terhadap Al-Quran yang sekali gus diharap dapat melahirkan generasi berwawasan yang cintakan Al-Quran.

Membaca Al-Quran sememangnya digalakkan dalam Islam kerana selain memeriahkan dan menghidupkan lagi malam-malam pada bulan Ramadan ini, pembacaan Al-Quran itu juga dapat mendekatkan lagi pembacanya dengan Allah Maha Pencipta.

Qiamullail

Sesungguhnya amal ibadah yang dikerjakan pada bulan Ramadan telah dijanjikan dengan ganjaran yang berlipat ganda oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Malam-malam bulan penuh rahmat ini juga hendaklah dimeriahkan dengan memperbanyakkan amal ibadah, seperti Qiamullail, iaitu berjaga pada waktu malam untuk beribadat, seperti bersembahyang sunat, berselawat, berzikir, beristighfar, membaca Al-Quran, memohon ampun ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan sebagainya. Waktu yang sebaik-baik bangun ialah sepertiga akhir malam.

Penutup

Walaupun Ramadan tahun ini sedikit berlainan dari Ramadan yang sebelumnya, namun marilah kita bersama-sama mengisi kedatangan Ramadan ini dengan penuh keinsafan kerana bulan ini adalah bulan yang dipenuhi keberkatan serta dihidangkan di dalamnya dengan pelbagai amal ibadah yang pahalanya digandakan. Rebutlah peluang yang dianugerahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala ini untuk meningkatkan amal ibadah kita pada bulan yang mulia ini semata-mata untuk mendapatkan berkat, rahmat dan pengampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Tingkatkanlah ketakwaan kita dengan terus berdo'a semoga Yang Maha Berkuasa akan melindungi bumi Darussalam ini dan segera mengeluarkan kita daripada wabak COVID-19.





MELAKA, 24 April -- DULU LAIN SEKARANG LAIN ... Keadaan air Sungai Melaka lebih tenang dan jernih ketika tinjauan dilakukan di sepanjang Sungai Melaka, hari ini. Tinjauan fotoBernama di beberapa kawasan Sungai Melaka di sini terutama berhampiran kawasan kompleks bangunan Stadthuys dan Kampung Jawa mendapati kehijauan Sungai Melaka terserlah dan dilihat lebih bersih berbanding sebelum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Air di Sungai Melaka yang sebelum ini penuh dengan pelbagai aktiviti menjadikan ianya berkeladak bertukar menjadi kehijauan agak jernih selepas PKP dilaksanakan. - ©BERNAMA



Sungai Melaka jernih 'kehijauan' ketika PKP

COVID-19: Google rancang beku pengambilan pekerja

MOSCOW, 24 April. - Gergasi teknologi Amerika Syarikat (AS) Google dikatakan sedang merancang untuk membekukan pengambilan pekerja sepenuh masa dan kontrak baharu, di samping mengurangkan sebahagian bajet pemasaran pada separuh kedua 2020.

Memetik CNBC, langkah itu merupakan tindakan lebih radikal yang diambil pihak syarikat berbanding pelan yang diumumkan Ketua Pegawai Eksekutif Google Sundar Pichai minggu lalu, lapor agensi berita Sputnik.

Pada awal April, Pichai berkata Google akan memotong sebahagian pelaburannya sehingga akhir tahun, di tengah-tengah krisis COVID-19, bermula dengan pengambilan pekerja, tanpa menyebut mengenai pembekuan.

Sementara itu, jurucakap syarikat berkata separuh bajet akan dikurangkan tetapi menafikan mengenai pembekuan pengambilan pekerja.

Pandemik COVID-19 memaksa sektor perniagaan di seluruh dunia mempertimbangkan semula strategi mereka berikutan penurunan jumlah pendapatan dan terpaksa menghentikan banyak operasi.

Berjuta-juta orang hilang pekerjaan selepas banyak negara di seluruh dunia menguatkuasakan sekatan pergerakan untuk memerangi penularan wabak maut itu. - ©BERNAMA

COVID-19 : Sweden catat lebih 2,000 kematian, kes naik mendadak

STOCKHOLM, 24 April. - Seramai 16,755 orang di Sweden didapati positif COVID-19, dengan 751 kes baharu direkodkan antara Rabu dan Khamis, manakala angka korban berjumlah 2,021, lapor agensi berita Xinhua.

Kenaikan mendadak itu disebabkan peningkatan jumlah saringan COVID-19 yang diadakan oleh petugas perubatan, kata pakar epidemiologi Anders Wallensten pada taklimat harian.

"Kami tidak melihat adanya penurunan," kata Wallensten sambil memberi amaran, pandemik masih belum selesai dan menggesa semua rakyat Sweden untuk terus duduk di rumah.

Pada sidang media sama beliau turut mendedahkan jangkaan waktu puncak jangkitan ditetapkan pada 8 April dan bukan 15 April seperti yang dikatakan sebelum ini.

"Di Stockholm 26 peratus penduduk kemungkinan akan dijangkiti menjelang 1 Mei, jumlah itu agak rendah berbanding anggaran sebelum ini," kata Wallensten. - ©BERNAMA

COVID-19 : Brazil lancar pelan darurat, sedia lebih banyak kawasan perkuburan

SAO PAULO, 24 April. - Datuk Bandar Sao Paulo pada Khamis melancarkan pelan darurat untuk mewujudkan ribuan lagi tapak perkuburan berikutan dijangka lebih banyak kematian akan dicatatkan di bandar itu disebabkan wabak COVID-19, lapor agensi berita Xinhua.

"Kami tidak boleh alami situasi sama seperti yang terjadi di Guayaquil, di Ecuador atau New York di Amerika Syarikat," kata Bruno Covas merujuk kepada kekurangan tempat menyimpan mayat.

Sasaran untuk menggali 13,000 kubur dan memperluas keupayaan operasi perkhidmatan pengebumian, katanya.

Sao Paulo, menjadi pusat penularan wabak, mencatatkan hampir 1,000 kematian dalam sebulan.

"Kemampuan hospital hanya 70 peratus, sebab itu kita mesti bersiap sedia untuk menghadapi tempoh pandemik yang terburuk di bandar kita," kata Covas.

Jumlah kakitangan di tanah perkuburan juga dipertingkatkan daripada seramai 240 orang sehari sehingga 400 orang selain membeli 15,000 lagi beg untuk mengisi mayat. - ©BERNAMA

MELAKA, 24 April. - Sungai Melaka, yang sebelum ini berkeladak dan berwarna coklat seumpama teh tarik, kini bertukar jernih dan berwarna kehijauan sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Gambar 'kehijauan' sungai itu tular di media sosial dan menimbulkan keterujaan dalam kalangan warganet terutama anak Melaka sendiri namun ada yang mengatakan gambar itu tidak benar dan telah disunting.

Tinjauan Bernama di beberapa kawasan Sungai Melaka di sini, terutama berhampiran kompleks bangunan Stadthuys dan Jalan Jonker mendapati Sungai Melaka telah kembali bersih, berwarna kehijauan, serta lebih bersih berbanding sebelum PKP, namun 'kehijauan' sungai itu tidaklah sejernih seperti yang tular di laman sosial.

Pengayuh beca Joseph Oliveira, 54, hanya tersenyum apabila ditunjukkan gambar Sungai Melaka yang tular itu dan menceritakan sepanjang pengalaman hampir lapan tahun mengayuh beca di kawasan itu, beliau tidak pernah melihat air Sungai Melaka kelihatan jernih seperti ketika ini.

"Mungkin teknik ambil gambar itu nampak air Sungai Melaka lebih jernih daripada yang sebenar, (ketika) PKP ini memang (air sungai) jernih balik kerana kurang aktiviti di Sungai Melaka, sebelum ini hari-hari sibuk dengan bot lalu datang dan sebab keladak di dasar sungai naik," kata anak jati Kampung Portugis itu kepada Bernama.

Oliveira menceritakan Sungai Melaka sekitar tahun 80-an dan 90-an dahulu berwarna kehitaman dan berbau busuk, namun usaha kerajaan negeri terutama pentadbiran bekas Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Mohd Ali Rustam, telah mengubah wajah Sungai Melaka sehingga dikenali sebagai 'Venice of The East'.

"Sungai Melaka yang bersih baik untuk alam sekitar dan juga boleh bantu anak Melaka cari pendapatan apabila jadi tarikan pelancong, macam saya kayuh beca. Memang amat kurang pendapatan tetapi bagi saya, berilah masa Sungai Melaka 'berehat' dahulu, lepas ini 'dia' akan bantu kita balik," katanya.

Pekerja pembersihan, Salim Bachek, 48, sependapat dengan Oliveira bahawa kekurangan aktiviti di Sungai Melaka dan kawasan sekitarnya membuatkan sungai itu kembali jernih namun tidak di semua kawasan.

"Saya dan pekerja pembersihan lain keluarkan banyak sampah daripada Sungai Melaka, tetapi ketika PKP ini, jumlahnya berkurangan daripada biasa. Tetapi orang ramai jangan pula mandi atau celup kaki kerana air sungai masih lagi kotor, tidak bersih macam kolam renang," kata anak jadi Bachang itu.

Selain orang ramai, individu yang bertanggungjawab memberikan 'nafas' baharu kepada Sungai Melaka iaitu Mohd Ali turut meluahkan kegembiraan apabila Sungai Melaka kembali bersih dan meminta orang ramai supaya bersama-sama menjaga kebersihan itu untuk diwarisi

generasi akan datang.

"Bertambah bersih (air Sungai Melaka) terutama kawasan bandar boleh nampak ikan berenang dalam tu, tetapi jika kita tidak jaga akan kotor balik nanti. Jadi kita sama-sama jaga kebersihan Sungai Melaka," katanya.

Sementara itu di laman sosial Facebook, ramai warganet memberikan pelbagai maklum balas terhadap perubahan air Sungai Melaka dan ada juga warganet yang mencadangkan pelbagai langkah bagi mengekalkan kebersihan Sungai Melaka.

Warganet, Muhammad Arif Hishammudin, mencadangkan hukuman denda baharu bagi mereka yang membuang sampah atau menyebabkan sungai itu kotor, Ricky Ricardo Marcello pula berpendapat cuaca panas sebelum ini menyebabkan tiada air baharu masuk ke sungai menyebabkan Sungai Melaka tidak keruh.

Tidak kurang juga ramai yang meluahkan perasaan gembira apabila melihat telatah pelbagai haiwan antaranya biawak di Sungai Melaka dan ketika tinjauan Bernama mendapati air bersih Sungai Melaka memudahkan pengunjung menyaksikan telatah haiwan yang terdapat di dalam sungai itu.

Semakan dengan Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka mendapati bot pelancongan Melaka River Cruise ditutup ketika tempoh PKP bagi mengekang penularan COVID-19. - ©BERNAMA

343 kes keganasan rumah tangga di P. Pinang tahun lepas

GEORGE TOWN, 24 April. - Sebanyak 343 kes keganasan rumah tangga dilaporkan di Pulau Pinang sepanjang tahun lepas dengan daerah Timur Laut mencatatkan jumlah kes tertinggi iaitu 112 kes.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam negeri, Chong Eng berkata berdasarkan statistik yang dikeluarkan Polis Diraja Malaysia (PDRM) itu, sejumlah 86 kes direkodkan di daerah Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Utara (61 kes), Seberang Perai Selatan (48 kes) dan Barat Daya (36 kes).

Beliau berkata statistik

menunjukkan daripada 343 kes itu, 332 kes atau 96.7 peratus melibatkan mangsa wanita.

"Bagaimanapun, jumlah kes ini mungkin tidak menggambarkan keadaan sebenar dalam komuniti kita, kita percaya dengan satu kes dilaporkan mungkin terdapat lima hingga 10 kes yang tidak dilaporkan.

"Kajian menunjukkan bahawa keganasan rumah tangga berlaku kerana ketidaksamaan antara lelaki dan wanita. Banyak yang masih mengamalkan pemikiran tradisional bahawa wanita tidak setaraf dengan lelaki. Ketika seseorang merasakan mereka lebih hebat atau tidak menghormati yang lain, itu

adalah ketikanya keganasan berlaku di rumah," katanya dalam kenyataan, di sini, hari ini.

Berikutan itu, Chong berkata kerajaan Pulau Pinang akan menganjurkan pelbagai program berkenaan kesamarataan gender bagi memperkasakan wanita dalam usaha mencegah mereka daripada menjadi mangsa keganasan rumah tangga.

Menurutnya, mendidik masyarakat dengan pemahaman dan faedah berhubung kesamarataan gender akan membuka permulaan positif bagi semua inisiatif intervensi. - ©BERNAMA

MUIB terima wang zakat BND3,984,369.53 dari TAIB



ePaper Pelita Brunei

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Hamzah Mohidin

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 April. - Sebanyak BND3,984,369.53 Zakat Penyimpanan Wang Simpanan diserahkan oleh Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) kepada Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) pada majlis yang berlangsung di Bilik Dhiyafah, Pejabat Menteri Hal Ehwal Ugama, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

Majlis penyerahan tersebut disempurnakan oleh Menteri Pertahanan Kedua selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof kepada Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Yang Dipertua MUIB, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

MUIB merupakan Badan Ugama Islam yang tertinggi di negara ini yang mempunyai bidang kuasa dalam pengurusan dan pengendalian kutipan dan agihan wang zakat, iaitu berdasarkan kepada peruntukan undang-undang sebagaimana yang termaktub dalam Akta Majlis Ugama Islam

dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77, Pindaan 1984, iaitu menerusi bab-bab 114 hingga 121 dan juga Peraturan Zakat dan Fitrah 1969.

Wang Zakat berkenaan adalah daripada akaun pelanggan-pelanggan yang memberikan kebenaran kepada Perbadanan TAIB untuk memotong sebahagian daripada akaun simpanan mereka mulai Januari hingga Disember 2019, menurut garis pandu Syariah.

Perbadanan TAIB adalah antara Institusi Kewangan Islam di Negara Brunei Darussalam (NBD) yang menyalurkan perkhidmatan zakat secara automatik melalui pemegang akaun TAIB.

Perkhidmatan ini diperkenalkan pada tahun 1998 dengan objektif bagi memudahkan pemegang akaun untuk menunaikan kewajipan dalam pembayaran zakat simpanan di Perbadanan TAIB.

Pelanggan bolehlah mendaftar untuk perkhidmatan potongan zakat secara automatik ataupun membuat pembayaran zakat melalui terminal layan diri di Cawangan-cawangan Perbadanan TAIB.

Wang Zakat yang diterima ini akan diagihkan kepada Asnaf Zakat yang berhak di NBD, terdiri daripada enam golongan Asnaf Zakat sahaja, iaitu Asnaf Fakir, Miskin, Muallaf, Al-Gharimin, Amil dan Ibnu Sabil.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama (kanan) menerima Penyerahan Zakat Penyimpanan Wang Simpanan di Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) bagi tahun 2019 yang disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan Kedua selaku Pengerusi Perbadanan TAIB.

Kementerian Pendidikan terima sumbangan 100 unit tablet



YANG Berhormat Menteri Pendidikan menerima sumbangan 100 unit Lenovo Tablet daripada Digital World Enterprise, disampaikan oleh Pengarah Digital World Enterprise, Dayang Zubaidah binti Zainoh.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 April. - Kementerian Pendidikan menerima sumbangan sebanyak 100 unit Lenovo Tablet daripada Digital World Enterprise hari ini.

Sumbangan tersebut adalah inisiatif bersama Kementerian Pendidikan, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) dan Pihak Berkuasa Industri

Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) bagi menyokong pembelajaran dalam talian serta membantu para pelajar yang memerlukannya semasa pandemik COVID-19 yang melanda di negara ini.

Hadir bagi menerima sumbangan ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin

Haji Sulaiman. Turut hadir, Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Datin Seri Paduka Dr. Hajah Romaizah binti Haji Mohd. Salleh.

Majlis Penyerahan Sumbangan berkenaan disampaikan oleh Pengarah Digital World Enterprise, Dayang Zubaidah binti Zainoh kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan pada majlis yang berlangsung di Dewan Persidangan 1, Kementerian Pendidikan.

Antara yang hadir pada majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) di Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad; Setiausaha Tetap di Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Ir. Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof; Timbalan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) di Kementerian Pendidikan, Dr. Chin Wei Keh; Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) di Kementerian Pendidikan, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman; Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif AITI, Ir. Awang Haji Jailani bin Haji Buntar; Pemangku Ketua Pengarah Pendidikan; Pengarah-pengarah Digital World Enterprise; Pengurus Sumber

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan

Tenaga Manusia Digital World Enterprise; Ketua-ketua Jabatan dan Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Pendidikan.

Kempen Derma untuk mengumpulkan peranti-peranti ICT bagi menyokong pembelajaran dalam talian untuk pelajar yang memerlukan dibuka sehingga 14 Mei 2020.

Sumbangan bolehlah disalurkan di Blok A, IBTE Sultan Saiful

Rijal Campus, Jalan Muara atau IBTE Jefri Bolkihah Campus, Kuala Belait pada Isnin hingga Khamis dan Sabtu dari pukul 8.30 pagi hingga 12.00 tengah hari dan dari pukul 2.00 petang hingga 4.00 petang, kecuali pada cuti umum. Di sepanjang bulan Ramadan pula, sumbangan bolehlah dihantar dari jam 8.30 pagi hingga 1.30 petang pada hari-hari yang dinyatakan di atas.

Tahukah Awda

KEMENTERIAN Kesihatan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap sesiapa yang tidak mematuhi arahan yang dikeluarkan di bawah Akta Penyakit Berjangkit (Penggal 204) serta peraturan-peraturannya iaitu Infectious Diseases (Amendment of Schedule) Notifications, 2020 dan Infectious Diseases (Quarantine Amendment) Regulations, 2020.

Jika sabit kesalahan boleh membawa denda sehingga BND10,000 atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali (kesalahan pertama). Bagi kesalahan kedua atau seterusnya, jika sabit kesalahan boleh membawa denda sehingga BND20,000 atau penjara tidak lebih satu tahun atau kedua-duanya sekali.

SUMBER : Pelita Brunei, Isnin, 6 April 2020.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

BANYAKKAN DOA, RAIH PAHALA DI BULAN RAMADAN

دتر بیتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتری دان دچیتق اوله جباتن فرچیتقن کراجان، نکارا برونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam